



# KEMENTERIAN DALAM NEGERI



# LAPORAN TAHUNAN

BAHAGIAN AUDIT DALAM

# 2020



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**Laporan Tahunan**  
**Bahagian Audit Dalam**  
**Tahun 2020 KDN**

# Kandungan

Prakata	i
Perutusan <b>Ketua</b> Setiausaha	ii
Penghargaan <b>Ketua</b> Audit Dalam	iii
Ringkasan <b>Eksekutif</b>	iv
Pendahuluan	1
Perancangan <b>Dan Pencapaian</b> Program Audit	5
Laporan <b>Pengauditan</b> Pengurusan Kewangan	10
Laporan <b>Pengauditan</b> Prestasi	21
Laporan <b>Sistem</b> Kawalan Dalaman Pusat Kos/Pejabat Pemungut	59
Laporan <b>Susulan</b> Audit	67
Laporan <b>Program</b> Anak Angkat Dan Lain-Lain Pengauditan	69
Laporan <b>Mesyuarat</b> Jawatankuasa Audit (JKA)	84
Laporan <b>Sumbangan</b> Bahagian Audit Dalam	87
Perkara- <b>Perkara</b> Am	89
Lampiran A – Carta Organisasi Bertarikh 8 Januari 2021	



- a. Prakata
- b. Perutusan Ketua Setiausaha
- c. Penghargaan Ketua Audit Dalam
- d. Ringkasan Eksekutif

# Prakata

Bahagian Audit Dalam, Kementerian Dalam Negeri menjalankan tugas secara bebas dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian. Penubuhan Bahagian Audit Dalam adalah untuk membantu pihak pengurusan bagi memantapkan lagi akauntabiliti, tadbir urus dan integriti dengan mengeluarkan Laporan Audit yang objektif. Selain itu, Bahagian Audit Dalam juga memberi bimbingan dan khidmat perundingan kepada Auditi melalui ceramah/bengkel bagi mempertingkatkan tahap kecekapan, keberkesanan pengurusan kewangan dan perbelanjaan secara berhemah.

Laporan Tahunan 2020 ini disediakan mengikut kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, PS 3.1 (Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri) dan dikemukakan kepada Bahagian Strategi Korporat Dan Komunikasi, Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Audit Negara. Laporan ini merumuskan aktiviti pengauditan Bahagian Audit Dalam serta membentangkan isu-isu/pemerhatian audit yang dibangkitkan semasa pengauditan dijalankan sepanjang tahun 2020.

Salinan laporan ini akan diedarkan kepada semua Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian ini sebagai panduan dan rujukan agar semua Ketua Jabatan dan pegawai menyedari dan memahami kelemahan-kelemahan yang perlu diberi perhatian dan diatasi segera. Adalah diharapkan dengan usaha yang dijalankan oleh semua pihak, ia dapat membantu pihak pengurusan Kementerian dalam memastikan pengurusan kewangan di semua peringkat sentiasa kemas kini dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Di samping itu, wang kerajaan dapat diurus dengan berhemah mendapat *value for money* dan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip akauntabiliti awam, telus, nilai faedah terbaik serta adil dan saksama. Selain itu, setiap program yang dilaksanakan mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan serta mengelakkan daripada berlakunya pembaziran, pemborosan dan penyalahgunaan wang awam.

*"It's not about being the best.  
It's about being better than you were yesterday"*

# Perutusan Ketua Setiausaha



السَّلَامُ عَلَى سَائِرِ رُسُلِ اللَّهِ وَبَعْدَ كَلِمَاتٍ

Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T.  
kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan

2020 Bahagian Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri telah berjaya diterbitkan. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Bahagian Audit Dalam di atas komitmen dan kerja keras di sepanjang tahun 2020 yang penuh dengan cabaran akibat pandemik Covid-19.

Bahagian Audit Dalam telah memainkan peranan yang penting dalam membantu meningkatkan keberkesanan dan kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan dan program/aktiviti di Kementerian dan Agensi di bawahnya. Justeru saya berharap, peranan yang penting ini dapat diteruskan oleh Bahagian Audit Dalam dengan lebih cemerlang pada masa hadapan demi membantu Kementerian dan Agensi di bawahnya dalam mencapai misi, visi dan objektif Kementerian.

Usaha penambahbaikan secara berterusan di Kementerian dan Agensi-Agensi di bawahnya hendaklah dilakukan dengan serta-merta agar semua kelemahan dapat diperbaiki dan tidak akan berulang pada masa akan datang. Saya berharap segala pemerhatian yang dimuatkan dalam Laporan Tahunan ini dapat dijadikan rujukan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pengurusan dan tadbir urus sama ada di peringkat Kementerian mahupun Agensi secara keseluruhan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga Bahagian Audit Dalam yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang padu dalam menggalas amanah yang diberikan bagi memartabatkan kecemerlangan Pengauditan Kewangan dan Tadbir Urus di persada keterbilangan. *KDN – Together We Are One*

Sekian, wassalam.

**DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ**

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

25 Mac 2021

*"Hold yourself accountable before you are held accountable"*  
- Umar Al Khatab R.A



## Penghargaan Ketua Audit Dalam

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَکَاتُهُ

Salam Sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya Bahagian Audit Dalam dengan komitmen semua telah berjaya menyediakan Laporan Tahunan 2020, Kementerian Dalam Negeri. Laporan ini melaporkan program pengauditan yang telah dilaksanakan, penemuan dan kelemahan yang dikenal pasti berserta syor mengatasinya sebagai panduan dan rujukan dalam usaha menambah baik prestasi pengurusan kewangan, kawalan dalaman, pengurusan program dan aktiviti seterusnya meningkatkan tahap akauntabiliti di semua peringkat di Kementerian ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan Bin Haji Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri di atas sokongan serta nasihat yang bernas terhadap aktiviti Bahagian Audit Dalam.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Dato' TKSU (Pengurusan), YBhg. Dato' TKSU (Keselamatan) dan YBrs. TKSU (Dasar & Kawalan) serta semua Setiausaha Bahagian, Ketua Jabatan dan Agensi yang terlibat dengan pengauditan sepanjang tahun 2020 di atas sokongan dan kerjasama semasa Bahagian Audit Dalam menjalankan pengauditan.

Moga laporan ini dapat dijadikan panduan dalam usaha meningkatkan prestasi dan mencapai kecekapan, keberkesanan serta *value for money* dalam pengurusan kewangan, program dan aktiviti projek Kementerian dan Agensi sepanjang tahun mendatang.

Sekian, terima kasih.

  
**NIKRUL TARMIZI BIN AWALLUDIN**  
Ketua Audit Dalam  
Kementerian Dalam Negeri

25 Mac 2021

*"Restoring responsibility and accountability is essential to  
the economic and fiscal health of our nation"*  
— Carl Levin

# Ringkasan Eksekutif

Laporan Tahunan Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri disediakan untuk mematuhi keperluan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 Tahun 2013. Laporan ini juga bertujuan untuk memberi maklumat dan panduan kepada Kementerian dan jabatannya mengenai penemuan dan isu-isu yang dibangkitkan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan sepanjang tahun berkenaan.

Laporan Tahunan Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri Tahun 2020 meliputi program-program pengauditan berikut:

## Pengurusan Kewangan

Pengauditan telah dilaksanakan di **34** PTJ

## Prestasi

Melibatkan **5** pengauditan terhadap program/aktiviti Kementerian/Jabatan

## Sistem Kawalan Dalaman Pusat Kos


Sejumlah **23** Pusat Kos/Pejabat Pemungut telah diaudit

## Susulan Audit

Sebanyak **8** susulan dibuat terhadap Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan **2** Laporan Pengauditan Prestasi

## Program Anak Angkat Dan Lain-lain

Sebanyak **9** Program Anak Angkat, Pengesahan Terhadap Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti 31 Disember 2019 dan 30 Jun 2020, **10** Pengauditan Baucar Bayaran, **2** Kajian Khas serta **3** Siasatan






## 1. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan dilaksanakan bertujuan mewujudkan struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan; mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan, bajet, pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan perolehan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit, aset dan stor serta kenderaan Kerajaan; dan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen **pengurusan kewangan bagi tahun 2020 di 34 PTJ** Kementerian/Jabatan seperti berikut:



Secara umumnya, tahap prestasi pengurusan kewangan di 34 PTJ yang diaudit perlu dipertingkatkan. Komitmen serta usaha secara serius dan berterusan adalah diperlukan bagi memastikan tahap pengurusan kewangan yang cemerlang dapat dicapai. Ketua Jabatan/Bahagian/PTJ hendaklah mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dengan segera. Bagi memantapkan prestasi pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan perkara-perkara seperti berikut:

- a. Ketua Jabatan/Pegawai Penyelia membuat perancangan, penyeliaan dan pemantauan yang berterusan terhadap kerja-kerja pegawai di bawah seliaan bagi memastikan urusan kewangan dilaksanakan oleh pegawai yang diberi kuasa dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan;

- b. Latihan yang relevan dan mencukupi perlu diberikan kepada semua pegawai yang terlibat bagi meningkatkan pengetahuan supaya pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya;
- c. Semua peraturan berkaitan pengurusan kewangan dipatuhi;
- d. Semua pemeriksaan berkala dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan;
- e. Pengurusan aset dan stor diuruskan dengan teratur dan baik supaya baki dan nilai aset dapat dikenal pasti dengan tepat bagi pelaksanaan perakaunan akruan; dan
- f. Pegawai kenderaan perlu memastikan pengurusan kenderaan Kerajaan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta rekod-rekod berkaitan kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

## 2. PENGAUDITAN PRESTASI

Pengauditan prestasi dilaksanakan bertujuan bagi memastikan sesuatu program/projek/aktiviti Kementerian/Jabatan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan. Pengauditan ini juga bertujuan untuk menilai sama ada wang awam telah dibelanjakan dengan berhemah tanpa berlakunya pembaziran serta memberi impak positif kepada golongan sasaran. Pengauditan prestasi yang dilaksanakan adalah seperti berikut:



## 2.1 Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Aset Maritim Pasukan Polis Marin, Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Sehingga bulan Mei 2020, Pasukan Polis Marin (PPM) dilengkapi dengan satu (1) kapal dan 187 bot ronda pelbagai kelas/jenis serta dibantu oleh 271 aset sokongan seperti jetski dan bot PAC. Aset terbesar yang dimiliki oleh PPM adalah kapal kelas PT yang ditempatkan di Markas Operasi Pelabuhan Klang, Selangor. Bot ronda lain yang dimiliki oleh PPM adalah kelas PLC, PSB, PA, PC, PSC, PAR, PGR, RH dan PS (*Sealeg/Airboat*).

Secara keseluruhannya, pengurusan penyenggaraan aset maritim PPM adalah **memuaskan**. Antara ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- a. 45 buah kapal/bot telah berusia melebihi 20 tahun;
- b. Kapal dan bot tidak menjalani penyenggaraan *Routine Slipping (RS)* yang ditetapkan;
- c. 4 kapal/bot ronda telah mengalami pelbagai jenis kerosakan untuk tempoh yang lama di antara 2 hingga 55 bulan;
- d. 2 set radar (*Big Eye*) diterima daripada Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) rosak serta tidak dapat digunakan;
- e. Infrastruktur bengkel adalah usang, fasiliti/kelengkapan bengkel rosak dan peralatan (*special tools*) untuk pembaikan enjin kapal/bot adalah terhad/tiada dibekalkan;
- f. Markas taktikal tidak selamat diduduki, jeti tidak dapat digunakan, jeti tidak disediakan dan pontoon rosak belum dibaiki; dan
- g. Kemudahan dan peralatan di Pusat Latihan Marin (PULAMAR) rosak dan usang.

PDRM khususnya PPM disyorkan untuk memastikan perancangan strategik bagi keperluan penyenggaraan aset maritim ini dirangka dengan lebih komprehensif supaya membolehkan peranan dan tanggungjawab PPM dalam menjaga keselamatan dan keamanan perairan negara dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat.

## 2.2 Pengauditan Terhadap Pengurusan Tanah Polis Diraja Malaysia (PDRM)

KDN dan PDRM adalah bertanggungjawab menguruskan, memantau dan membangunkan tanah serta menyelenggara rekod tanah milik/rizab Persekutuan agar tanah berkenaan dapat digunakan secara optimum dan mendatangkan hasil kepada Kerajaan. Pengurusan pembangunan tanah dan pengawalan tanah PDRM dipertanggungjawabkan kepada Unit Tanah Dan Sewaan, Cawangan Pengurusan Fasiliti, Jabatan Logistik & Teknologi Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Hasil pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan tanah PDRM adalah **kurang memuaskan** kerana wujud isu ketidakpatuhan terhadap peraturan, penyelenggaraan rekod maklumat tanah yang tidak kemas kini, aspek pemantauan dan penguatkuasaan yang lemah serta tiada koordinasi dan penyelarasan yang baik antara pihak PDRM dan PTP iaitu JKPTG/PTG Negeri dalam pengurusan tanah berkenaan.

Bagi memastikan pengurusan tanah yang belum dibangunkan oleh PDRM dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektifnya, adalah disyorkan semua pihak terlibat seperti Kementerian, PDRM serta JKPTG memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara-perkara berikut:

- a. Menambahbaik '*Standard Operating Procedure*' (SOP) dan peraturan berkaitan aspek pemantauan dan penguatkuasaan dengan menggunakan kaedah dan format yang seragam;
- b. Meningkatkan penyelarasan dan kerjasama yang baik dengan pihak JKPTG/PTG dari aspek teknikal perundangan tanah, permohonan maklumat dan salinan perjanjian penyewaan tanah yang terkini melibatkan semua tanah milik/rizab PDRM; dan
- c. Mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan tanah hendaklah ditambah baik dan tindakan bersepadu hendaklah dibuat dengan melibatkan pihak JKPTG/PTG, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak lain yang berkepentingan.

### **2.3 Pengauditan Terhadap Penyelenggaraan Aset Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)**

Sehingga bulan September 2020, APMM dilengkapi dengan 234 kapal dan bot pelbagai kelas/jenis, 14 radar *Remote Sensor Sites* (RSS) SWASLA dan 2 radar mudah alih serta 8 buah pesawat udara dan 3 UAV. Pengurusan penyelenggaraan kapal/bot APMM diuruskan sendiri oleh Bahagian Kejuruteraan APMM menggunakan kaedah perolehan selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 Perenggan 15 mulai bulan Ogos 2018 hingga kini. Bagi penyelenggaraan komprehensif SWASLA pula, 2 kontraktor telah dilantik untuk SWASLA Lumut dan SWASLA Sabah manakala bagi penyelenggaraan pesawat udara, APMM melantik 3 kontraktor utama untuk setiap jenis pesawat udara yang dimiliki.

Secara keseluruhannya, pengurusan penyelenggaraan aset maritim APMM adalah **kurang memuaskan** disebabkan beberapa kelemahan yang dikenalpasti seperti berikut:

- a. Kesiapsiagaan aset kapal dan bot tidak mencapai KPI yang ditetapkan.
- b. Aset yang berstatus *non ops* masih digunakan untuk operasi.
- c. Penyelenggaraan pencegahan berjadual tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

- d. Kapal Ronda NGPC dan kapal *Offshore Patrol Vessel* lewat diserahkan. Pembekalan peralatan, kelengkapan senjata dan peluru belum sempurna tetapi bayaran penuh telah dibuat.
- e. SWASLA tidak meliputi keseluruhan Perairan Zon Maritim Malaysia. Pengesanan radar di bawah seliaan ESSCOM juga tidak berfungsi. Selain itu, Sudut Buta liputan dan pengesanan RSS sedia ada terhad serta pengesanan tidak dapat dikenalpasti.
- f. Pembaikan bagi komponen RDF di RSS Pulau Gaya masih belum selesai atau digantikan sejak 12 Jun 2018.
- g. Kontrak sewaan rangkaian talian IPVPN lewat diperbaharui.
- h. Ruang ACC dan infrastruktur RSS kurang memuaskan. Kemudahan infra di antara RSS tidak seragam dan berlaku kerosakan infrastruktur RSS.
- i. *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) tidak digunakan dan tidak didaftarkan.

APMM adalah disyorkan supaya merangka dan menambahbaik kontrak penyenggaraan keseluruhan aset maritim termasuk bangunan supaya aset sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang ditetapkan dan kepentingan Kerajaan terjamin. Selain itu, perancangan pengagihan peruntukan penyenggaraan yang komprehensif perlu dilaksanakan bagi memastikan penyenggaraan aset maritim dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan.

#### **2.4. Pengauditan Terhadap Pengurusan Senjata Api Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)**

Pada 22 Jun 2012, RELA telah dijenamakan semula dengan pemansuhan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia dan ditukarkan kepada Pasukan Sukarelawan Malaysia berdasarkan Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752) yang berteraskan konsep 5K 1P iaitu Keamanan, Keselamatan, Kesejahteraan, Kehamornian, Kesatuan dan Perpaduan. Antara tugas RELA adalah membantu dalam melindungi bangunan, pemasangan atau harta lain yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun lain atau apa-apa harta persendirian apabila diminta oleh pemunya bangunan, pemasangan atau harta itu.

Hasil pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan senjata api RELA adalah **kurang memuaskan** disebabkan beberapa kelemahan yang dikenalpasti seperti berikut:

- a. Anggota RELA tidak mematuhi syarat pemilikan senjata api yang ditetapkan iaitu tempoh keahlian adalah antara empat (4) hingga 15 bulan selepas keahlian iaitu kurang daripada tiga (3) tahun.

- b. Nombor siri senjata api yang direkodkan sebagai pengeluaran dalam Buku Daftar Keluar Masuk Senjata Api adalah berbeza dengan rekod yang diluluskan dalam Surat Kelulusan Ketua Polis Daerah (KPD).
- c. Terdapat perbezaan baki bilangan peluru berdasarkan rekod antara Buku Daftar Keluar Masuk Peluru dan Kad Petak (KEW.PS-4).
- d. Peluru yang dibeli pada tahun 2001 tidak digunakan sepenuhnya dan masih di dalam kotak. Sebahagian kotak tersebut telah pun rosak dan reput.
- e. Sebanyak 126 laras senjata api mengalami kerosakan.
- f. Kelongsong peluru yang telah digunakan tidak disimpan dengan betul.
- g. Stor penyimpanan senjata dan peluru kurang kondusif.
- h. Kawasan persekitaran stor senjata api dan peluru adalah terdedah dan tidak berpagar serta kelengkapan CCTV adalah tidak sempurna.

Bagi memastikan pengurusan senjata api dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan, pihak RELA perlu memberi penekanan dalam aspek penyimpanan serta keselamatan senjata api dan peluru. Selain itu, pemantauan perlu dipertingkatkan terhadap pematuhan Manual Pengurusan Senjata Api yang berkuatkuasa serta penyelenggaraan rekod yang kemas kini dan tepat.

## **2.5. Pengauditan Terhadap Pengurusan Orang Di Parol Jabatan Penjara Malaysia (JPM)**

Parol adalah pelepasan seseorang banduan untuk menjalani mana-mana bahagian hukuman pemenjarannya di luar penjara menurut sesuatu Perintah Parol. Orang Di Parol (ODP) adalah seseorang banduan yang dilepaskan atas suatu Perintah Parol. Bagi bulan Mei 2020, Sistem Maklumat Pengurusan Parol menunjukkan 11,163 banduan layak menjalani pemulihan dalam komuniti berdasarkan kesalahan yang dilakukan. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,117 (27.9%) banduan telah mengikuti program parol manakala baki 8,046 (72.1%) masih belum memenuhi keseluruhan syarat layak dan sedang mengikuti program pemulihan.


Secara keseluruhannya, Program Parol adalah **baik** sejajar dengan hasrat murni untuk memberi ruang dan peluang kepada banduan menyesuaikan diri dengan masyarakat sebelum mereka dibebaskan.

### 3. PENGAUDITAN SISTEM KAWALAN DALAMAN PUSAT KOS/PEJABAT PEMUNGUT

Pengauditan Sistem Kawalan Dalaman Pusat Kos dilaksanakan bertujuan menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga, perolehan serta baucar di bawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat dan betul. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan/Agensi untuk sentiasa mematuhi peraturan mengenai pengurusan kewangan, aset, penerimaan wang/harta awam, barang berharga serta bayaran di bawah tanggungjawab masing-masing.

Pada tahun 2020, sejumlah **23 Pusat Kos/Pejabat Pemungut** telah dipilih untuk dilaksanakan pemeriksaan mengejut ke atasnya seperti berikut:

#### SISTEM KAWALAN DALAMAN PUSAT KOS/PEJABAT PEMUNGUT



Secara keseluruhannya, pengauditan Sistem Kawalan Dalaman Pusat Kos/Pejabat Pemungut yang dijalankan mendapati tahap pematuhan terhadap peraturan perlu dipertingkatkan lagi. Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan yang dibangkitkan agar tidak berulang. Latihan secara berterusan perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan yang berkaitan.

#### **4. PENGAUDITAN SUSULAN AUDIT**

Susulan Audit adalah satu pendekatan untuk meninjau semula (*revisit*) berkaitan kelemahan dan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Laporan Pengauditan Prestasi yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam pada tahun 2016 hingga 2019. Tujuan susulan Audit ini adalah untuk menilai keberkesanan tindakan yang diambil oleh pihak auditi terhadap syor dan cadangan serta maklum balas berkaitan yang telah dipersetujui.

Pihak Audit juga menyemak baucar bayaran bagi bulan Januari hingga Oktober 2020 bagi menilai aspek kepatuhan pengurusan kewangan pada tahun semasa. Rancangan asal tahun 2020 adalah sebanyak 19 laporan Audit yang hendak dibuat susulan. Namun disebabkan pandemik Covid-19, hanya 10 (52.6%) susulan Audit sahaja dapat dilaksanakan iaitu lapan (8) Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan dua (2) Laporan Pengauditan Prestasi. Hasil semakan Audit mendapati 40 (40%) daripada isu yang telah dibangkitkan dalam pengauditan lalu masih berulang manakala sebanyak 16 isu baharu telah ditemui.

#### **5. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) DI KEMENTERIAN DAN JABATAN**

Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertujuan memastikan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan telah dijalankan dengan teratur dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pada 8 Disember 2018 Jabatan Audit Negara telah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk menyerahkan mandat Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti (IA) kepada Bahagian Audit Dalam. Walau bagaimanapun, tiada sebarang keputusan rasmi dibuat sehingga tahun 2020. Oleh itu, pengauditan ini tidak dilaksanakan pada tahun 2020.



## 6. PROGRAM ANAK ANGKAT DAN LAIN-LAIN PENGAUDITAN

### 6.1 Program Anak Angkat

Program Anak Angkat dilaksanakan bertujuan memberi bimbingan dan nasihat kepada Agensi supaya memperbaiki segala kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan; membantu pihak Agensi menangani masalah berkenaan pengurusan kewangan; meningkatkan prestasi pengurusan kewangan pihak Agensi; dan menambahbaik *rating* pengurusan kewangan ke tahap cemerlang. Bagi tahun 2020, program ini telah dijalankan di sembilan (9) PTJ seperti berikut:

#### PROGRAM ANAK ANGKAT TAHUN 2020



Perintah Kawalan Pergerakan dan gelombang kedua peningkatan kes Covid-19 yang berlaku sepanjang tahun 2020 telah menyebabkan semua PTJ yang terpilih sebagai Anak Angkat hanya dilaksanakan lawatan fasa pertama dan belum selesai melalui lawatan fasa kedua iaitu penilaian akhir sebelum 31 Disember 2020. Perkara ini bertujuan untuk memberi ruang kepada PTJ mengambil tindakan penambahbaikan terhadap semua teguran Audit semasa lawatan fasa pertama yang telah dilaksanakan.

Berdasarkan lawatan fasa pertama didapati tahap pengurusan kewangan di sembilan (9) PTJ yang terpilih menunjukkan peningkatan berbanding pemarkahan tahun terakhir diaudit pengurusan kewangannya kecuali dua (2) PTJ iaitu BN 4 Semenyih, Selangor dan PUSPEN Dengkil, Selangor. Sehubungan itu, penyeliaan yang berterusan oleh Ketua Jabatan dan pegawai yang bertanggungjawab adalah perlu dalam memastikan prestasi pengurusan kewangan sentiasa cemerlang manakala kelemahan diperbetulkan segera.

## **6.2. Pengesahan Terhadap Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti**

Perakaunan akruan adalah satu kaedah perakaunan yang mengiktiraf dan merekodkan urus niaga pada masa urus niaga tersebut berlaku serta mengakaunkan semua aset dan liabiliti Kerajaan yang seterusnya akan dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan Perakaunan Akruan sejajar dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi bertujuan memantapkan pengurusan fiskal kewangan serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan.

Pengesahan Terhadap Data Baki Awal Aset dan Liabiliti dijalankan bagi mengesahkan ketetapan nilai baki awal aset dan liabiliti Kementerian untuk tujuan pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Pengesahan Data Aset Hidup dan Aset Tak Alih (ATA) yang berakhir pada 31 Disember 2019 telah dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam melibatkan 10 unit bangunan, 18 lot tanah dan 78 unit aset hidup iaitu anjing dan kuda. Pengesahan data yang berakhir pada 30 Jun 2020 pula dilaksanakan terhadap 114 lot Aset Tak Alih iaitu tanah.

## **6.3. Pengauditan Arahan Pembayaran Tahun 2020**


Pengurusan Arahan Pembayaran merupakan salah satu daripada kawalan perbelanjaan yang wajar diberi keutamaan oleh Jabatan/Agensi di bawah KDN. Pengurusan perbelanjaan yang baik antara lainnya bertujuan memastikan perbelanjaan diuruskan secara telus dan penuh amanah. Tatacara yang telah ditetapkan bagi membelanjakan wang awam hendaklah dipatuhi selaras dengan Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

Pengauditan ini dilaksanakan bagi menggantikan pengauditan pengurusan kewangan yang telah digugurkan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik Covid-19 terutamanya yang berlaku di Sarawak dan Sabah. Bagi mengurangkan pergerakan lawatan ke pejabat auditi, semakan dokumen arahan pembayaran ini dibuat di pejabat Audit. Sebanyak 10 PTJ telah dipilih iaitu di Sarawak dan Sabah yang dilaksanakan oleh Cawangan Audit Dalam KDN Sarawak dan Sabah. Jumlah arahan pembayaran yang disemak adalah sebanyak 500 bayaran bernilai RM4.59 juta meliputi 10 PTJ.

#### 6.4. Pengauditan Khas

Pengauditan khas dilaksanakan berdasarkan arahan pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian Dalam Negeri antaranya bagi persediaan sebelum Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan di agensi yang terlibat. Pada tahun 2020, sebanyak dua (2) kajian khas telah dijalankan seperti berikut:

##### PENGAUDITAN KHAS TAHUN 2020



#### 6.5. Siasatan

Bahagian Audit Dalam (AD) dilantik dari semasa ke semasa untuk menjalankan siasatan meliputi pelbagai kes termasuk kehilangan wang awam dan salah laku pegawai awam. Pelantikan ahli Jawatankuasa Siasatan Dalaman dibuat oleh Pegawai Pengawal serta dipantau dan diselaraskan oleh Unit Integriti dan Bahagian Kewangan. Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) siasatan dengan jumlah nilai kes sebanyak RM43.16 juta telah dijalankan yang melibatkan pelantikan di kalangan pegawai Bahagian AD.

#### 6.6. Pengauditan Luar Negara

Pengauditan luar negara yang dirancang bagi menyemak proses permohonan kemasukan warganegara China, India, Indonesia dan Australia dengan penggunaan Sistem VLN/MyIMMs adalah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terpaksa ditangguhkan akibat penularan wabak Covid-19 yang berlaku di seluruh dunia.

# Bahagian 1

## PENDAHULUAN

- Fungsi AD
- Kedudukan Perjawatan



# 1. FUNGSI AUDIT DALAM

## 1.1 Peranan Dan Tanggungjawab

Peranan dan tanggungjawab Bahagian Audit Dalam (Bahagian AD) ditetapkan melalui kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, PS 3.1 dan Surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 5 Mei 2009. Bahagian AD diketuai oleh Ketua Audit Dalam Gred Utama C yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Penstrukturan semula Bahagian AD telah dilaksanakan pada 18 Mac 2008 berdasarkan penggabungan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri selaras dengan keputusan Kabinet. Mulai 16 Julai 2009, semua Bahagian AD yang diwujudkan di empat (4) Jabatan di bawah Kementerian telah digabungkan di bawah satu pengurusan yang berpusat di peringkat Kementerian. Sehingga bulan Disember 2020, KDN mempunyai 338 PTJ.

Fungsi Bahagian Audit Dalam adalah seperti berikut:

Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman;

Mengkaji tahap pematuhan terhadap dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;

Mengkaji program/aktiviti diuruskan secara berhemah, cekap dan berkesan;

Mengkaji aset dan kepentingan dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;

Memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk ICT;

Melaporkan hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan bagi perkara yang dibangkitkan;

Menyediakan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam;

Menyediakan Laporan Audit kepada pihak pengurusan Kementerian/Jabatan/Agensi; dan

Membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Jawatankuasa Audit.

## 1.2 Visi/Misi/Objektif



### VISI

Menjana maklumat kawalan dalaman kepada KSU berhubung dengan akauntabiliti KDN.



### MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan mengemukakan laporan audit bebas kepada KSU ke arah meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan aktiviti KDN.



### OBJEKTIF

- i. Membantu pihak pengurusan tertinggi KDN bagi meningkatkan tahap pematuhan arahan kewangan, undang-undang, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.
- ii. Menentukan program dan aktiviti KDN dan Jabatan/Agensi di bawahnya diuruskan dengan ekonomi, cekap dan berkesan.
- iii. Menentukan keberkesanan dan kecekapan sistem aplikasi ICT di KDN.

## 2. KEDUDUKAN PERJAWATAN

Bahagian AD telah diluluskan dengan **52 jawatan** pelbagai gred melalui waran perjawatan bertarikh 27 Februari 2019 termasuk Cawangan Audit Dalam Sabah dan Sarawak. Bahagian AD diketuai oleh Ketua Audit Dalam Gred Utama C yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha. Sebanyak 35 perjawatan daripada kader Jabatan Audit Negara, dua (2) perjawatan daripada Teknologi Maklumat dan lapan (8) perjawatan Pentadbiran telah diisi.

Carta Organisasi Bahagian AD adalah seperti di **Lampiran A** dan senarai perjawatan tahun 2020 adalah seperti berikut:

## SENARAI PERJAWATAN BAHAGIAN AUDIT DALAM, KDN SETAKAT 31 DISEMBER TAHUN 2020

PENGURUSAN DAN PROFESIONAL		PELAKSANA			
<b>20</b> Lulus	<b>17</b> Isi	<b>25</b> Lulus	<b>21</b> Isi	<b>7</b> Lulus	<b>7</b> Isi
<b>Ketua Audit Dalam Jusa C</b>		<b>Penolong Juruaudit W36</b>		<b>Setiausaha Pejabat N19/N22/N29/N30</b>	
1	1	4	3	1	1
<b>Juruaudit W52</b>		<b>Penolong Juruaudit W32</b>		<b>Pembantu Tadbir (P/O) N19/N22</b>	
2	1	12	12	5	5
<b>Juruaudit W48</b>		<b>Penolong Juruaudit W29/W32</b>		<b>Pembantu Am Pejabat N11/N14</b>	
4	4	7	4	1	1
<b>Juruaudit W44</b>		<b>Pen. Peg. Teknologi Maklumat F32</b>			
10	9	1	1		
<b>Juruaudit W41/W44</b>		<b>Penolong Pegawai Tadbir N29/N32</b>			
2	1	1	1		
<b>Pegawai Teknologi Maklumat F44</b>					
1	1				

Sehingga 31 Disember 2020 terdapat tujuh (7) kekosongan iaitu Juruaudit W52, Juruaudit W44, Juruaudit W41, Penolong Juruaudit W36 dan Penolong Juruaudit W29/32.

Sepanjang tahun 2020, terdapat perubahan dari segi pertukaran pegawai yang ketara. Pergerakan pegawai Bahagian AD sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

### PERGERAKAN PEGAWAI SEPANJANG TAHUN 2020

BIL.	JAWATAN	GRED	TEMPAT
<b>PERTUKARAN MASUK/MELAPOR DIRI</b>			
1.	Encik Nikrul Tarmizi Bin Awalludin	Ketua Audit Dalam	Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu
2.	Encik Awang Nasrun bin Awang Ali	W48	Kementerian Pembangunan Usahawan
3.	Puan Sharita Nor Azura Binti Md Shari	W48	Jabatan Audit Negara
4.	Encik Ammanuvel a/l Muniandy	W44	Jabatan Audit Negara
5.	Encik Mohd Amiruddin Bin Abd Manan	W36	Jabatan Audit Negara
6.	Puan Siti Aizura Bin Idris	W32	Jabatan Audit Negara
7.	Puan Mahiran Binti Jasmin	W32	Jabatan Audit Negara

**PERGERAKAN PEGAWAI SEPANJANG TAHUN 2020 (Samb...)**

BIL.	JAWATAN	GREED	TEMPAT
<b>PERTUKARAN MASUK/MELAPOR DIRI</b>			
8.	Puan Norhaslinawati Binti Ramli	W29	Lantikan Baru
9.	Puan Siti Fatimah Binti Ab. Llah	N19	Kementerian Sumber Manusia
10.	Cik Lee Yee Yan	N19	Jabatan Perangkaan Malaysia
<b>PERTUKARAN KELUAR/NAIK PANGKAT</b>			
11.	Puan Kartina @ Martina Binti Zamhari	Ketua Audit Dalam	Jabatan Audit Negara
12.	Puan Noraziah binti Morad	W52	Audit Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
13.	Puan Rosni Binti Razali	W52	Jabatan Audit Negara
14.	Encik Mohammad Rizal Bin Hassan	W44	Audit Dalam, Kementerian Wilayah Persekutuan
15.	Puan Aidawati Binti Ismail	W32	Jabatan Audit Negara
16.	Puan Syakirah Binti Zainal Bahrin	W29	Audit Dalam, Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
17.	Puan Asma binti Ismail	W29	Jabatan Audit Negara
18.	Puan Sharifah Aminah Binti Syed Ab Rahman	W29	Jabatan Audit Negara
19.	Encik Mohd Izham Bin Ishak	N19	Jabatan Perkhidmatan Awam



## Bahagian 2

**PERANCANGAN DAN  
PENCAPAIAN PROGRAM  
AUDIT**



## PERANCANGAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM AUDIT

Rancangan Audit Tahun 2020 telah diluluskan oleh KSU Kementerian Dalam Negeri pada 29 Januari 2020. Rancangan Audit ini telah disediakan dan disesuaikan mengikut arahan pengurusan dari semasa ke semasa. Namun, pada bulan Mei 2020 selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19, pihak pengurusan atasan Bahagian AD memutuskan kajian semula dibuat terhadap sasaran kerja tahunan 2020 bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan semua SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pencapaian sebenar pengauditan tahun 2020 adalah seperti jadual berikut:

BIL.	RANCANGAN AUDIT YANG DILULUSKAN		PENCAPAIAN (BILANGAN)	ULASAN
	JENIS PENGAUDITAN	BILANGAN		
<b>1.</b>	<b>Pengauditan Pengurusan Kewangan</b>			
	i. Pengurusan Kewangan	54 PTJ	34 PTJ	Sasaran PTJ untuk diaudit telah disemak semula pada bulan Jun 2020 dan telah dikurangkan akibat pandemik Covid-19 yang berlaku. Liputan yang terhad juga telah menyebabkan PTJ perlu diubah kerana Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan.
	ii. Pengauditan Pra Indeks Akauntabiliti	4 PTJ	Dibatalkan	Tidak dilaksanakan kerana tiada arahan terkini berkenaan pelaksanaan Pengauditan Indeks Akauntabiliti daripada MOF.
<b>2.</b>	<b>Pengauditan Prestasi (Program/ Aktiviti):</b>	5	5	

## PENCAPAIAN PENGAUDITAN BAGI TAHUN 2020 (Samb..)

BIL.	RANCANGAN AUDIT YANG DILULUSKAN		PENCAPAIAN (BILANGAN)	ULASAN
	JENIS PENGAUDITAN	BILANGAN		
<b>2.</b>	<b>Pengauditan Prestasi (Program/ Aktiviti): (Samb..)</b>			
	i.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Syarikat Kawalan Keselamatan, KDN	X	Tanggung kerana tukar tajuk pengauditan kepada Pembinaan & Pengurusan ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah atas arahan pihak pengurusan tertinggi KDN. Namun ia telah dibatalkan kerana penularan wabak Covid-19 yang tinggi di kawasan tersebut dan ditukarkan dengan tajuk Pengauditan Terhadap Peruntukan Pakej Ransangan Ekonomi (Prihatin 2020).
	ii.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Pengeluaran Passport JIM	X	Tanggung kerana pindaan sasaran kerja akibat pandemik Covid-19. Pasukan telah bergabung dengan pasukan lain untuk melaksanakan kajian di bawah RELA.
	iii.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Kapal Dan Bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	√	Selesai diaudit namun tajuk ditukarkan kepada Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Aset Maritim APMM kerana pertambahan skop audit.
	iv.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Senjata Api Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)	√	Selesai diaudit.
	v.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Orang Di Parol, Jabatan Penjara Malaysia	√	Selesai diaudit.

## PENCAPAIAN PENGAUDITAN BAGI TAHUN 2020 (Samb..)

BIL.	RANCANGAN AUDIT YANG DILULUSKAN		PENCAPAIAN (BILANGAN)	ULASAN
	JENIS PENGAUDITAN	BILANGAN		
<b>3.</b>	<b>Pengauditan Perolehan:</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	
	Pengauditan Terhadap Perkhidmatan Peranti Pengawasan Elektronik (EMD) Polis Diraja Malaysia (PDRM)		X	Dibatalkan dan ditukarkan kepada Pengauditan Terhadap Pengurusan Tanah PDRM atas arahan pengurusan tertinggi KDN.
<b>4.</b>	<b>Pengauditan ICT:</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	
	i. Pengauditan Terhadap Pengurusan Sistem BIOFIS PDRM		X	Dibatalkan dan ditukarkan kepada Pengauditan Terhadap Penyenggaraan Aset Maritim Pasukan Polis Marin (PPM), PDRM atas arahan pengurusan tertinggi KDN.
	ii. Pengauditan Terhadap Penyelenggaraan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu (SKEB), Jabatan Penjara Malaysia		X	Ditangguhkan kerana penularan wabak Covid-19 di penjara.
<b>5.</b>	<b>Susulan Audit Laporan Bahagian Audit Dalam, KDN (19):</b>			
	Susulan Pengurusan Kewangan	11 PTJ	8 PTJ	3 PTJ digugurkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik Covid-19.
	Susulan Prestasi:	8	2	
	i. Pengurusan Pemberian Geran Persatuan Penduduk, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)		√	Selesai diaudit.
	ii. Pengurusan Pembinaan IPD Pekan, Pahang		√	Selesai diaudit.

## PENCAPAIAN PENGAUDITAN BAGI TAHUN 2020 (Samb..)

BIL.	RANCANGAN AUDIT YANG DILULUSKAN		PENCAPAIAN (BILANGAN)	ULASAN
	JENIS PENGAUDITAN	BILANGAN		
<b>5.</b>	<b>Susulan Audit Laporan Bahagian Audit Dalam, KDN (19): (Samb..)</b>			
	Susulan Prestasi:	8	2	
	iii. Pembinaan Dan Pengurusan Pusat Identifikasi Forensik Setempat (PIFOS), PDRM		X	Digugurkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik Covid-19.
	iv. Pengurusan Kemudahan Peserta Kursus Di Institusi Latihan PDRM		X	
	v. Pengurusan Penyenggaraan Peralatan Operasi Pasukan Gerakan Udara (PGU) PDRM		X	
	vi. Pengurusan Pengeluaran Pas Pelajar Asing, JIM		X	
	vii. Pengurusan Projek Sistem MCAS, Jabatan Penjara Malaysia		X	
	viii. Pengurusan Program <i>Outreach</i> Di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sabah		X	
<b>6.</b>	<b>Pemeriksaan Mengejut / Penampilan Audit: Sistem Kawalan Dalaman Pusat Kos</b>	23 Pusat Kos / Pejabat Pemungut	23	Selesai diaudit.

**PENCAPAIAN PENGAUDITAN BAGI TAHUN 2020 (Samb..)**

BIL.	RANCANGAN AUDIT YANG DILULUSKAN		PENCAPAIAN (BILANGAN)	ULASAN
	JENIS PENGAUDITAN	BILANGAN		
<b>7.</b>	<b>Program Anak Angkat dan Lain-lain:</b>			
	Program Anak Angkat	10 PTJ	9 PTJ	Selesai diaudit fasa 1. 1 PTJ digugurkan. Lawatan fasa 2 sedang dilaksanakan. Ini bagi memberi ruang tempoh masa melebihi 6 bulan kepada PTJ untuk melaksanakan penambahbaikan selepas lawatan fasa 1 yang hanya dapat dilaksanakan selepas PKP 1.0 tamat pada bulan Jun 2020.
	Pengesahan Data Baki Aset dan Liabiliti (Akruan)	-	4	Selesai diaudit.
	Pengauditan Arahan Pembayaran Tahun 2020	-	10 PTJ	Selesai diaudit oleh Cawangan Audit Dalam Sarawak dan Sabah bagi menggantikan pengauditan pengurusan kewangan dan susulan audit yang digugurkan akibat pandemik Covid-19.
	Pengauditan Luar Negara	4	X	Ditangguhkan kerana penularan wabak Covid-19 masih berlaku di peringkat global.
	Pengauditan Khas	-	3	-
	Siasatan	-	3	-



## Bahagian 3

**LAPORAN PENGAUDITAN  
PENGURUSAN KEWANGAN**

### 3.1 PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1, tanggungjawab Bahagian Audit Dalam adalah untuk menjalankan audit pengurusan kewangan yang merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

Sebagai satu usaha untuk meningkatkan motivasi PTJ agar lebih gigih dalam memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi pengurusan kewangan masing-masing, Bahagian Audit Dalam telah melaksanakan sistem penarafan. Sistem penarafan dikemas kini oleh Bahagian Audit Dalam berdasarkan senarai semak Garis Panduan Pengauditan Audit Dalam yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik, Perbendaharaan Malaysia.

Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi lapan (8) elemen kawalan pengurusan kewangan telah diberi markah. Elemen tersebut meliputi kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor serta pengurusan kenderaan Kerajaan. Mulai tahun 2017, markah prestasi tahap pematuhan kawalan pengurusan kewangan telah diubah dan Jabatan/Agensi juga dimaklumkan markah peratusan yang dicapai bagi tujuan penanda aras serta membuat perbandingan prestasi antara tahun atau antara Jabatan/Agensi yang lain seperti berikut

#### PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN MARKAH KESELURUHAN

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
95% – 100%	<b>CEMERLANG</b>	★★★★★
85% – 94.9%	<b>BAIK</b>	★★★★
70% – 84.9%	<b>MEMUASKAN</b>	★★★
60% – 69.9%	<b>KURANG MEMUASKAN</b>	★★
59.9% ke bawah	<b>TIDAK MEMUASKAN</b>	★



Mulai tahun 2017, pendekatan *Risk Based Audit* telah dilaksanakan untuk mengenal pasti kriteria yang berisiko tinggi bagi lapan (8) jenis kawalan pengurusan kewangan yang terdiri daripada empat (4) tahap risiko iaitu ekstrim, tinggi, sederhana dan rendah. Bagaimanapun, tahap penetapan risiko tersebut telah diubah kepada tiga (3) tahap sahaja iaitu tinggi, sederhana dan rendah mulai tahun 2018 selari dengan tahap penetapan risiko Jabatan Audit Negara. Tahap penetapan risiko bagi setiap kriteria dan kesan risiko ke atas pengurusan kewangan adalah berdasarkan rajah berikut:

### PENILAIAN RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

TAHAP RISIKO	KESAN RISIKO	MARKAH
<b>TINGGI</b>	Ketidakpatuhan yang memberi impak <b>besar</b> kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran dan penyelewengan.	<b>3</b>
<b>SEDERHANA</b>	Ketidakpatuhan yang memberi impak <b>sedehana</b> kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.	<b>2</b>
<b>RENDAH</b>	Ketidakpatuhan yang memberi impak <b>kecil</b> kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.	<b>1</b>

Objektif pengauditan pengurusan kewangan dijalankan adalah bagi menilai:

- i. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan;
- ii. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, pengurusan amanah/deposit, aset dan stor serta kenderaan;
- iii. Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- iv. Rekod kewangan dan perakaunan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pengauditan Pengurusan Kewangan meliputi urus niaga dan rekod yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2019 dan 2020. Metodologi pengauditan adalah seperti berikut:

- i. Semakan terhadap dokumen, rekod dan fail yang berkaitan dengan pengurusan kewangan;
- ii. Temu bual dengan Ketua Pejabat serta pegawai yang terlibat; dan
- iii. Pemeriksaan fizikal terhadap barang-barang yang diterima dan kerja-kerja yang dilaksanakan.











Pada tahun 2020, Bahagian Audit Dalam telah melaksanakan sebanyak 34 pengauditan pengurusan kewangan terhadap PTJ di bawah KDN dan agensi. Bilangan tersebut merupakan 62.9% daripada 54 PTJ yang disasar dalam Rancangan Audit 2020. Pencapaian ini adalah disebabkan pengurangan sasaran kerja yang telah dilaksanakan disebabkan oleh pandemik Covid-19. Kedudukan tahap dan penarafan prestasi pengurusan kewangan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

### KEDUDUKAN TAHAP DAN PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN	JUMLAH PTJ
95% – 100%	<b>CEMERLANG</b>		<b>2</b>
85% – 94.9%	<b>BAIK</b>		<b>14</b>
70% – 84.9%	<b>MEMUASKAN</b>		<b>13</b>
60% – 69.9%	<b>KURANG MEMUASKAN</b>		<b>3</b>
59.9% ke bawah	<b>TIDAK MEMUASKAN</b>		<b>2</b>
<b>JUMLAH</b>			<b>34</b>

Kedudukan pencapaian pelaksanaan dan penarafan PTJ mengikut Jabatan dan Agensi adalah seperti carta di bawah. Skor purata PTJ mengikut Jabatan dan Agensi menunjukkan Jabatan Pendaftaran Negara merupakan PTJ yang tertinggi dengan skor purata melebihi 95% manakala Polis Diraja Malaysia merupakan PTJ yang terendah.






### PENARAFAN PTJ






POLIS DIRAJA MALAYSIA		JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA	
	-		-
	2		3
	7		-
	3		-
	1		1
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>






JABATAN PENDAFTARAN NEGARA	
	1
	-
	-
	-
	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA	
	1
	3
	-
	-
	-
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>

AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN	
	-
	2
	3
	-
	-
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA	
	-
	1
	1
	-
	-
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>


JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA	
	-
	1
	-
	-
	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>

JABATAN PENJARA MALAYSIA	
	-
	2
	2
	-
	-
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>

Berdasarkan rancangan asal bagi tahun 2020, bilangan PTJ yang hendak diaudit oleh Bahagian Audit Dalam, Kementerian Dalam Negeri secara umumnya telah meningkat dari 46 PTJ pada tahun 2019 kepada 54 PTJ pada tahun 2020. Ini disebabkan oleh pertambahan sampel PTJ di Sarawak dan Sabah untuk dilaksanakan oleh Cawangan Audit Dalam Sarawak dan Sabah kerana tidak menjalankan pengauditan prestasi berbanding pasukan Audit di Ibu Pejabat. Walau bagaimanapun, sasaran 54 PTJ ini tidak dapat dicapai kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan akibat pandemik Covid-19. Sasaran ini telah dipinda kepada hanya 34 PTJ sahaja dalam tahun 2020. Selain itu, Cawangan Audit Dalam Sarawak dan Sabah berjaya menggantikan pengauditan pengurusan kewangan yang digugurkan kepada pengauditan arahan pembayaran tahun 2020 sebanyak 10 PTJ.

Secara keseluruhannya, purata markah pematuhan pengurusan kewangan bagi tahun 2020 adalah menurun kepada 83.15% berbanding tahun 2019 seperti rajah di bawah disebabkan oleh pengurangan PTJ yang diaudit.


### **PURATA MARKAH PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Analisis pematuhan bagi PTJ yang mendapat markah melebihi 90% menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 iaitu 11 (32.4%) daripada 34 PTJ berbanding tahun 2019 [14 (30.4%) daripada 46 PTJ] kerana bilangan PTJ yang diaudit pada tahun 2020 menurun berbanding tahun 2019. Bilangan PTJ yang memperoleh markah antara 70% hingga 89% juga menurun kepada 18 PTJ pada tahun 2020 berbanding 27 PTJ pada tahun 2019.

Perbandingan prestasi pematuhan pengurusan kewangan dari tahun 2016 hingga 2020 setelah pengauditan dijalankan adalah seperti berikut:

### PERBANDINGAN PRESTASI PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT BILANGAN PTJ BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020




Penurunan ini adalah disebabkan pertukaran PTJ akibat PKP yang dilaksanakan. PTJ yang dipilih/ditukar merupakan PTJ yang kali terakhir dilaksanakan pengauditan pengurusan kewangan pada tahun 2012. Selain itu, perubahan pekeliling, arahan dan peraturan kewangan telah menyumbang kepada penurunan prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2020. Bagaimanapun, pelaksanaan Program Anak Angkat yang diteruskan pada tahun 2020 dilihat dapat membantu PTJ meningkatkan pemahaman dan pematuhan terhadap peraturan kewangan.

Kedudukan peratus markah pematuhan pengurusan kewangan bagi tahun 2020 menunjukkan APMM Negeri Sarawak merupakan PTJ yang berada di kedudukan teratas dengan skor 95.28% diikuti oleh JPN Pulau Pinang dan Penjara Kluang, Johor. Manakala JIM Bahagian Sibul, Sarawak dan IPD Julau, Sibul Sarawak merupakan PTJ yang memperolehi skor terendah iaitu masing-masing 58.59% dan 49.82%.

Lima (5) PTJ mendapat markah kurang daripada 70% dan dua (2) PTJ berada pada tahap tidak memuaskan pada tahun 2020. Perbandingan prestasi mengikut PTJ dan butiran lanjut kedudukan pemarkahan adalah seperti berikut:

## KEDUDUKAN MARKAH PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN BAGI 34 PTJ TAHUN 2020



### **3.2 PENEMUAN AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN**

Berikut adalah antara penemuan audit berdasarkan 34 PTJ yang telah diaudit:

#### **3.2.1 Kawalan Pengurusan**

- i. Carta organisasi tidak lengkap dan kemas kini serta tidak dipamerkan;
- ii. MyPortfolio yang disediakan tidak mengikut format yang ditetapkan;
- iii. Deskripsi Tugas, Proses Kerja dan Carta Alir Kerja dalam MyPortfolio tidak disediakan dengan lengkap;
- iv. Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA) berkaitan Pengurusan Perolehan daripada Sistem GPIS tidak dijana dan dibentangkan semasa Mesyuarat JPKA;
- v. Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) tidak diadakan;
- vi. Agenda yang dibincangkan dalam Mesyuarat JPKA dan JAR tidak menepati kehendak pekeliling;
- vii. Surat perlantikan tidak disediakan untuk menjalankan Pemeriksaan Dalaman mengikut AP308;
- viii. Pemeriksaan Dalaman mengikut AP308 tidak dilaksanakan;
- ix. Pemeriksaan mengejut AP309 yang dijalankan tidak menyeluruh dan melebihi tempoh 6 bulan; dan
- x. Laporan kehilangan dan laporan awal kehilangan lewat dilaporkan.

#### **3.2.2 Kawalan Terimaan**

- i. Pegawai pemungut tiada penurunan kuasa bertulis untuk menerima wang;
- ii. Pengasingan tugas bagi pegawai yang menerima wang/menulis resit dengan memeriksa buku tunai tidak dilaksanakan;
- iii. ID pengguna pegawai pemungut telah digunakan semasa tempoh bercuti;
- iv. Kutipan bayaran sewaan kantin tidak diakaunkan ke akaun hasil Kerajaan;
- v. Buku tunai lewat dicetak dan disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab; dan
- vi. Penyata Akaun Belum Terima (ABT) tidak disediakan dan dikemukakan ke Pejabat Perakaunan.

#### **3.2.3 Kawalan Perolehan**

- i. Pecah kecil perolehan;
- ii. Kajian pasaran tidak dilaksanakan terhadap pembelian terus dengan mendapatkan sekurang-kurangnya 3 sebut harga dari pembekal bagi mendapatkan harga terbaik;

- iii. Harga perolehan yang dikenakan tidak munasabah dan tinggi berbanding harga pasaran;
- iv. Maklumat perolehan belum didaftarkan ke dalam GPIS;
- v. Tiada surat pelantikan bagi Jawatankuasa Sebutharga;
- vi. Rekod *Integrity Pact* tidak disediakan/tidak lengkap; dan
- vii. Kontrak lewat ditandatangani melebihi tempoh empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani oleh Syarikat.

#### **3.2.4 Kawalan Perbelanjaan**

- i. Pembayaran tidak wajar (*Improper payment*);
- ii. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan surat perwakilan kuasa secara bertulis untuk mengesah dan meluluskan Arahan Pembayaran;
- iii. Kad Pintar iGFMS Pegawai Peraku telah digunakan untuk memperakui Arahan Pembayaran semasa pegawai bercuti rehat;
- iv. Penurunan kuasa bagi menjalankan tugas bayaran tidak lengkap seperti kehendak pekeliling;
- v. Capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai yang telah bertukar dan bersara;
- vi. Dokumen sokongan di Arahan Pembayaran tidak lengkap; dan
- vii. Laporan Pukal (BP21) tidak disemak dengan bil asal.

#### **3.2.5 Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit**

- i. Penyata Akaun Amanah tidak direkod/didokumentasikan;
- ii. Perbelanjaan yang dibuat tidak menepati Arahan Amanah yang ditetapkan;
- iii. Senarai/Daftar Akaun Deposit tidak disimpan/difailkan;
- iv. Penyata Penyesuaian Akaun Deposit tidak disediakan;
- v. Daftar/rekod kecil bagi semua deposit tidak disediakan; dan
- vi. Deposit yang tidak dituntut melebihi tempoh 12 bulan tidak diwartakan.

#### **3.2.6 Pengurusan Aset Dan Stor**

- i. Surat pelantikan Pegawai Aset dan Penerima Aset tidak disediakan;
- ii. Borang Terimaan Barang-Barang (KEW.PS-1) tidak/lewat disediakan;
- iii. Mesyuarat JKPAK tidak membincangkan agenda yang ditetapkan dalam pekeliling;
- iv. Hasil mesyuarat JKPAK tidak dilaporkan kepada JPKA dan tiada tindakan susulan terhadap keputusan mesyuarat JKPAK yang lepas;
- v. Aset masih belum didaftarkan sehingga tarikh lawatan Audit; Penerimaan aset dilakukan oleh bukan Pegawai Penerima Aset yang telah dilantik oleh Ketua Jabatan;




- vi. Aset tidak dilabelkan dengan nombor pendaftaran dan ditanda 'Hak Kerajaan Malaysia';
- vii. Rekod Pinjaman dan Pergerakan Aset (KEW.PA-9) tidak diselenggara;
- viii. KEW.PA-10 tidak digunakan untuk melapor kerosakan aset;
- ix. Aset yang dibeli tidak digunakan;
- xi. Pemeriksaan Aset tidak dibuat secara menyeluruh atau 100%;
- xii. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah tidak disediakan;
- xiii. Jadual Program Penyelenggaraan dan Rekod KEW.PA-14 (Senarai Aset Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual) tidak disediakan;
- xiv. Penyelenggaraan yang dilaksanakan tidak direkodkan di dalam KEW.PA-15 (Rekod Penyelenggaraan Aset Alih);
- xv. Borang Terimaan Barang lewat disediakan;
- xvi. Daftar Stok (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- xvii. Baki fizikal dan rekod di kad daftar stok tidak sama;
- xviii. Verifikasi stok tidak dilaksanakan secara menyeluruh; dan
- xix. Keadaan stor tidak selamat dan sesuai untuk menempatkan stor.

### **3.2.7 Pengurusan Kenderaan Kerajaan**

- i. Surat pelantikan pegawai kenderaan tidak disediakan;
- ii. Keratan salinan asal buku log masih berada di buku log;
- iii. Buku Log Kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap;
- iv. Perjalanan yang dibuat tidak mendapatkan kelulusan Pegawai Kenderaan;
- v. Daftar Pergerakan Kad Inden Minyak tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- vi. Tiada semakan silang dibuat terhadap Penyata Pembelian Minyak dengan salinan resit;
- vii. Daftar Penggunaan Kad *Touch N Go* tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- viii. Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit bagi kenderaan rasmi dan Jabatan yang diterima digunakan bagi tujuan bukan rasmi;
- ix. Penyata Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit tidak diterima/dicetak daripada syarikat pembekal dan tidak disemak silang dengan pergerakan kad;
- x. Pegawai Kenderaan tidak membuat ulasan Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api bagi setiap 6 bulan;
- xi. Penyelenggaraan kenderaan tidak direkodkan di dalam buku log kenderaan;
- xii. Saman tertunggak masih belum diselesaikan; dan
- xiii. Surat peringatan tidak dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pemandu bagi menyelesaikan saman tertunggak.

### 3.3 Syor Audit

- i. Ketua Jabatan perlu memastikan penurunan kuasa bertulis dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan serta memantau pelaksanaan tugas-tugas kewangan tersebut dibuat berdasarkan kuasa yang diberikan sahaja termasuk penggunaan ID pegawai dalam sistem bayaran dan terimaan supaya tidak berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa;
- ii. Ketua Jabatan/Pegawai Penyelia membuat perancangan, penyeliaan dan pemantauan yang berterusan terhadap kerja-kerja pegawai di bawah seliaan bagi memastikan urusan kewangan dapat dilaksanakan selaras dengan peraturan yang ditetapkan;
- ii. Latihan yang relevan dan mencukupi perlu diberikan kepada semua pegawai yang terlibat bagi meningkatkan pengetahuan supaya pengurusan elemen kawalan pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya;
- iii. Semua peraturan berkaitan pengurusan kewangan dipatuhi;
- iv. Semua pemeriksaan berkala dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan;
- v. Pengurusan aset dan stor diuruskan dengan teratur dan baik supaya baki dan nilai aset dapat dikenal pasti dengan tepat selaras dengan transformasi ke arah pelaksanaan perakaunan akruan; dan
- vi. Pegawai kenderaan perlu memastikan Pengurusan Kenderaan Kerajaan Pekeliling Perbendaharaan WP 4.1 dipatuhi dan rekod-rekod berkaitan kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.



## Bahagian 4

**LAPORAN PENGAUDITAN  
PRESTASI  
PROGRAM/AKTIVITI  
KEMENTERIAN**

#### 4. PENGAUDITAN PRESTASI

Pengauditan prestasi merupakan suatu pemeriksaan bebas dan objektif terhadap program, aktiviti, sistem Kerajaan atau organisasi Kerajaan dengan mengambil kira aspek ekonomi, kecekapan dan keberkesanan bertujuan untuk penambahbaikan. Berasaskan definisi pengauditan prestasi di bawah ISSAI 3000, skop pengauditan sektor awam meliputi pematuhan dan pengauditan prestasi yang menekankan tentang ekonomi, kecekapan dan keberkesanan iaitu:

- i. **Ekonomi** - pengurangan kos yang digunakan bagi sesuatu aktiviti tanpa menjejaskan kualiti dalam aspek prinsip pentadbiran, amalan dan dasar pengurusan yang kukuh;
- ii. **Kecekapan** - penggunaan sumber manusia, kewangan dan maklumat lain termasuk pemeriksaan sistem teknologi maklumat, penandaarasan, pemantauan dan prosedur yang digunapakai oleh auditi untuk menghasilkan output yang maksimum dengan penggunaan sumber input yang minimum;
- iii. **Keberkesanan** - sejauh mana pencapaian auditi terhadap objektif yang ditetapkan dan pengauditan terhadap kesan aktiviti sebenar berbanding sasaran pengauditan adalah berdasarkan keputusan yang dibuat atau matlamat yang hendak dicapai oleh Pihak Berkuasa dan ia boleh dilaksanakan di seluruh sektor awam.

Pada tahun 2020, sebanyak lima (5) audit prestasi telah dilaksanakan meliputi Agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti berikut:

#### PENGAUDITAN PRESTASI YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2020

BIL.	TAJUK AUDIT PRESTASI	BAHAGIAN / AGENSI TERLIBAT
1.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Aset Maritim Pasukan Polis Marin	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
2.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Tanah	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
3.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Orang Di Parol	Jabatan Penjara Malaysia (JPM)
4.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Aset Maritim Untuk Pengawasan Zon Maritim Malaysia	- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) - Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)
5.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Senjata Api	Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)

## **4.1 Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Aset Maritim Pasukan Polis Marin, Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

### **4.1.1 Latar Belakang**

Pasukan Polis Marin (PPM) (dahulunya dikenali sebagai Polis Laut) ditubuhkan pada 1 September 1947. Selepas peristiwa konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia pada tahun 1966, Akta Polis 1967 (Akta 334) telah digubal yang memperuntuk dan memantapkan kuasa-kuasa perundangan kepada Polis Diraja Malaysia khususnya Pasukan Polis Marin sepertimana mengikut Seksyen 3(3) Akta 334 yang menyatakan 'Pasukan hendaklah diguna khidmat di dalam dan seluruh Malaysia (termasuk Perairan Wilayahnya)'. Namun mulai tahun 2004 sehingga akhir tahun 2013, sebahagian besar peranan dan tanggungjawab menjaga perairan negara telah diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Pada 28 Januari 2014, Mesyuarat Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Bil. 1/2014 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan dasar *No Boundary Restriction* antara PPM dan APMM yang membolehkan peranan dan tanggungjawab PPM dalam menjaga keselamatan dan keamanan perairan negara telah kembali dimantap dan diperluaskan.

PPM diketuai oleh Komander Pasukan Polis Marin berpangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (SAC) yang dibantu oleh tiga (3) Timbalan Komander iaitu operasi/risikan, kepolisan am/strategik/siasatan dan kejuruteraan. PPM beribu pejabat di Bukit Aman, WP Kuala Lumpur dan mempunyai 38 markas merangkumi lima (5) markas wilayah, 14 markas operasi dan 20 markas taktikal. Setakat Mei 2020, PPM mempunyai kekuatan kakitangan seramai 2,333 orang berbanding 2,445 perjawatan yang diluluskan dan 2,178 (93.4%) orang adalah kakitangan beruniform.

Sehingga bulan Mei 2020, PPM dilengkapi dengan satu (1) kapal dan 187 bot ronda pelbagai kelas/jenis serta dibantu oleh 271 aset sokongan seperti jetski dan bot PAC. Aset terbesar yang dimiliki oleh PPM adalah kapal kelas PT yang ditempatkan di Markas Operasi Pelabuhan Klang, Selangor. Bot ronda lain dalam PPM adalah kelas PLC, PSB, PA, PC, PSC, PAR, PGR, RH dan PS (Sealeg/Airboat). Jumlah dan pecahan aset PPM adalah seperti di jadual berikut:

## KELAS KAPAL/BOT RONDA PPM

BIL.	KELAS	UNIT
1.	Police Transport (PT)	1
2.	Police Landing Craft (PLC)	5
3.	Police Sea Basin (PSB)	2
4.	Police 'A' Class (PA)	26
5.	Police 'C' Class (PC)	6
6.	Police Strike Craft (PSC)	68
7.	Police Armour Reinforce (PAR)	2
8.	Police Glass Reinforce (PGR)	17
9.	Rigid Hull (RH)	57
10.	Sealeg/Airboat (PS)	4
<b>JUMLAH</b>		<b>188</b>

Bahagian Kejuruteraan di setiap wilayah adalah bertanggungjawab memastikan kesiapsiagaan kapal/bot ronda pada tahap optimum supaya penugasan rondaan dan kawalan maritim dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Di antara aktiviti yang dilaksanakan oleh Bahagian Kejuruteraan ialah mengurus pembaikan, penyenggaraan tahunan, perolehan alat ganti, kemalangan, kehilangan dan pelupusan kapal/bot ronda.

### 4.1.2 Objektif Pengauditan

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

- pengurusan penyenggaraan aset maritim untuk pengawasan Zon Maritim Malaysia telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat; dan
- infrastruktur, fasiliti dan pusat latihan marin yang disediakan adalah lengkap bagi membolehkan PPM beroperasi dengan baik.

### 4.1.3 Skop Pengauditan

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penyenggaraan kapal/bot serta peralatan sokongan Pasukan Polis Marin. Selain itu, pengauditan juga melihat infrastruktur, fasiliti dan pusat latihan marin sedia ada bagi menyokong pengoperasian bot-bot dan kapal. Bagi tujuan pengauditan, penyemakan rekod dan dokumen adalah untuk tempoh 3 tahun iaitu 2017 hingga September 2020. Pengauditan dijalankan di lokasi seperti di jadual berikut:

## LOKASI PENGAUDITAN PPM

BIL.	PEJABAT	MARKAS OPERASI / TAKTIKAL
1.	Ibu Pejabat PPM, Bukit Aman	-
2.	Markas Wilayah 1, Batu Uban, Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Markas Operasi Langkawi</li><li>• Markas Taktikal Kuala Kedah</li></ul>
3.	Markas Wilayah 2, Tampoi, Johor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Markas Operasi Muar</li><li>• Markas Taktikal Pengerang</li></ul>
4.	Markas Wilayah 3, Kuantan, Pahang	Markas Taktikal Tg. Gemuk
5.	Markas Wilayah 4, Kota Kinabalu, Sabah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Markas Operasi Sandakan</li><li>• Markas Operasi Lahad Datu</li></ul>
6.	PULAMAR, Tampoi, Johor	-

### 4.1.4 Metodologi Pengauditan

Metodologi pengauditan adalah melalui semakan dokumen penyenggaraan dan lain-lain rekod kewangan serta membuat analisis data yang diperolehi daripada Ibu Pejabat PPM dan Markas Wilayah PPM serta pusat latihan marin yang terlibat. Lawatan fizikal dan pengesahan maklumat penyenggaraan aset maritim untuk pengawasan ZMM yang dipilih secara sampel di Markas Wilayah PPM terlibat.

Perbincangan dan temubual diadakan bersama pegawai terlibat untuk mendapat penjelasan mengenai pelaksanaan penyenggaraan aset maritim yang berkaitan.

### 4.1.5 Penemuan Audit

Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Jun hingga September 2020 mendapati secara keseluruhannya pengurusan penyenggaraan aset maritim PPM adalah **MEMUASKAN**. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit termasuk semakan di Pusat Latihan Marin (PULAMAR) adalah seperti berikut:

- Jumlah peruntukan kewangan yang diterima bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan operasi dan penyenggaraan aset maritim.
- 60 perjawatan tidak diisi yang melibatkan 41 buah kapal dan bot ronda di 4 PPM Wilayah. 15 perjawatan adalah ketua kapal dan ketua bot ronda dan 19 perjawatan adalah ketua jentera. Selain itu, terdapat 30 kekosongan perjawatan di Bahagian Kejuruteraan tidak diisi terutamanya anggota berpangkat Sarjan Mejar dan Sarjan yang melibatkan 15 kekosongan di 4 PPM Wilayah.

- c) Bayaran Insentif Ketukangan PDRM (RM120/RM150/RM180 sebulan) bagi pegawai/anggota yang tidak menjalankan tugas (mengikut tugas hakiki) sebagai pelaut atau teknikal ditarik balik. Tiada Elaun Khas Marin lain diwujudkan.
- d) Penugasan kapal dan bot ronda tidak mencapai sasaran kesiapsiagaan yang ditetapkan.
- e) Terdapat 45 buah kapal/bot yang telah berusia melebihi 20 tahun iaitu 36 (19%) berusia 21 hingga 30 tahun dan 9 (5%) berusia melebihi 30 tahun dan memerlukan perbelanjaan penyenggaraan tahunan yang tinggi.
- f) Kekurangan penyenggaraan *Routine Slipping (RS)* di 4 Wilayah dilawati bagi 165 kapal/bot mendapati:
  - i. 21 (12.7%) kapal/bot tidak pernah menjalani RS;
  - ii. 84 (50.9%) kapal/bot telah menjalani RS sekali sahaja;
  - iii. 58 (35.2%) kapal/bot telah menjalani RS dua (2) kali; dan
  - iv. 2 (1.2%) kapal/bot telah menjalani RS tiga (3) kali.
- g) 4 kapal/bot ronda telah mengalami pelbagai jenis kerosakan untuk tempoh yang lama di antara 2 sehingga 55 bulan melibatkan kapal/bot ronda yang berpangkalan di PPM Wilayah 1 dan 4 seperti contoh di **Gambar 1**.



**GAMBAR 1**

**Bot Rosak Tidak Dibaiki Untuk Tempoh Yang Lama  
PPM Wilayah 1, Pulau Pinang  
(06.08.2020)**

- h) Peralatan kapal/bot seperti radar, GPS, Echo Sounder dan alat komunikasi mengalami kerosakan.
- i) 2 set radar (*Big Eye*) diterima daripada Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) dipasang di bot ronda PSB 1 dan 2 rosak serta tidak dapat digunakan seperti contoh di **Gambar 2**.





**GAMBAR 2**

**Radar (Big Eye) Yang Rosak di PSB 1  
Markas Operasi PPM Lahad Datu,  
Sabah  
(11.08.2020)**

- j) Alat bantuan operasi seperti *drone*, *night vision binoculars*, *forward looking infra red (FLIR)* tidak dibekalkan.
- k) Sebuah bot di PPM Wilayah 1 dan 5 buah bot di PPM Wilayah 4 telah dicadangkan untuk pelupusan seperti di **Gambar 3** disebabkan keadaan bot yang usang, badan bot ronda rosak/mengalami resapan air dan kerap mengalami kerosakan. Namun kelulusan pelupusan belum diterima daripada Ibu Pejabat PPM.



**GAMBAR 3**

**Bot PAR 2 Untuk Dilupuskan  
PPM Wilayah 4, Sandakan, Sabah  
(11.08.2020)**

- l) AJK Pemeriksa mendapati kedua-dua kapal ronda PZ yang diserahkan oleh APMM mengalami beberapa kerosakan seperti di **Gambar 4**. Kos pembaikan jangka masa pendek dianggarkan berjumlah RM1.3 juta hingga RM1.8 juta.



**GAMBAR 4**

**Meriam 40L/70 Bofor Gun di Kapal PZ  
KM Berani Rosak  
Bengkel Pusat PPM Wilayah 4  
Sandakan, Sabah  
(10.08.2020)**

m) Pemeriksaan di Bengkel Bahagian Kejuruteraan PPM mendapati infrastruktur bengkel adalah usang, fasiliti/kelengkapan bengkel yang rosak dan peralatan (*special tools*) untuk pembaikan enjin kapal/bot adalah terhad/tiada dibekalkan seperti di **Gambar 5 dan 6**.

**GAMBAR 5**



**Landasan Memindahkan Bot Tidak  
Boleh Digunakan  
Bengkel Pusat PPM Wilayah 4,  
Sandakan, Sabah  
(11.08.2020)**

**GAMBAR 6**



**Ruang Pejabat Tidak Selamat  
Digunakan  
Bengkel Pusat PPM Wilayah 2,  
Tampoi, Johor  
(28.09.2020)**

n) Markas taktikal tidak selamat diduduki, jeti tidak dapat digunakan, jeti tidak disediakan dan pontoon rosak belum dibaiki seperti di **Gambar 7 hingga 10**.

**GAMBAR 7**



**Struktur Tiang Yang Rosak Dan Berkarat  
Markas Operasi Muar, Johor  
(30.09.2020)**

**GAMBAR 8**



**Keadaan Kawasan Markas Yang  
Ditenggelami Air Laut  
Markas Taktikal PPM Kuala Kedah,  
Kedah  
(24.06.2020)**

**GAMBAR 9**



**Keadaan Jeti PPM W2 Yang Tidak  
Dapat Digunakan  
PPM Wilayah 2, Tampoi, Johor  
(28.09.2020)**

**GAMBAR 10**



**Sebahagian Pontoon Yang Rosak  
Markas Operasi Lahad Datu, Sabah  
(12.08.2020)**

- o) Mesin pam minyak rosak, saluran paip minyak bocor, skid tank tidak dapat digunakan, skid tank tidak disenggara dan rekod penerimaan dan pengeluaran minyak tidak seragam seperti di **Gambar 11 dan 12**.

**GAMBAR 11**



**Saluran Paip Minyak Petrol Dan Diesel Bocor  
Markas Operasi Langkawi, Kedah  
(25.06.2020)**

**GAMBAR 12**



**Skid Tank Tidak Dapat Digunakan  
PPM Wilayah 2, Tampoi, Johor  
(28.09.2020)**

- p) Perjanjian sewaan ruang Markas Operasi PPM Wilayah 4, Sabah di Jeti Jesselton Point, Kota Kinabalu akan tamat pada 31 Mac 2021 dan tidak akan dilanjutkan lagi bagi memberi laluan pembangunan semula Jesselton Point.
- q) Pengkalan PPM Johor di Tampoi sudah uzur dan jeti tidak dapat digunakan lagi kerana keadaan sungai mengalami mendapan lumpur dan cetek. Sehingga kini belum ada maklum balas yang diterima dari pihak Kerajaan berhubung dengan isu pembangunan tanah bagi tapak PPM Wilayah 2 dan PULAMAR di Tanjung Pelepas.
- r) Perekodan penerimaan dan pengeluaran stok tidak kemas kini dan stok tidak disusun dengan teratur.
- s) Pemeriksaan di Pusat Latihan Marin (PULAMAR) mendapati:
- i. Kemudahan kolam renang tidak disediakan.
  - ii. Kemudahan dan peralatan pembelajaran rosak dan usang **(Gambar 13)**.
  - iii. Asrama tidak boleh digunakan.
  - iv. Perabot asrama rosak dan usang **(Gambar 14)**.
  - v. Pejabat tidak bertaraf Pusat Tanggungjawab (PTJ).

**GAMBAR 13**



**Lantai Smoke House Aras 1 Berkarat  
PULAMAR, Johor  
(29.09.2020)**

**GAMBAR 14**



**Tilam Dan Bantal Yang Usang  
PULAMAR, Johor  
(29.09.2020)**

#### **4.1.6 Rumusan dan Syor Audit**

Secara umumnya, pengurusan penyenggaraan aset maritim telah mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu memastikan kapal/bot ronda dapat beroperasi dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dikesan yang memerlukan tindakan dan penambahbaikan segera oleh pihak PDRM dan PPM. Bagi memastikan pengurusan penyenggaraan aset maritim dan pusat latihan (PULAMAR) dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan pada masa akan datang, PDRM dan PPM hendaklah mengambil tindakan seperti yang berikut:

- a. PDRM hendaklah melaksanakan penstrukturan semula organisasi atau pengukuhan perjawatan bagi mengisi keperluan jawatan kritikal di samping menaiktaraf gred perjawatan yang lebih tinggi di peringkat Ibu Pejabat dan Wilayah PPM selaras dengan APMM dan menilai kembali dan menuntut semula bayaran elaun sepatut diterima PPM serta memberi pencerahan kepada pihak JPA mengenai Elaun Khas bagi anggota PPM sebagaimana yang dinikmati oleh PGA.
- b. PDRM hendaklah mengkaji usia aset-aset maritim di PPM dan membuat pembelian aset baru agar kos pembaikan/penyenggaraan terhadap kapal/bot ronda boleh dikurangkan.

- c. PDRM hendaklah menaik taraf kemudahan/fasiliti/peralatan sedia ada di Bengkel Kejuruteraan agar kebergantungan kepada syarikat swasta dapat dikurangkan sekali gus dapat memberi penjimatan kepada Kerajaan pada masa hadapan.
- d. PDRM hendaklah membuat penyenggaraan/pembaikan terhadap bot/kapal ronda, jeti, skid tank, pam minyak yang rosak dan menambah baik prosedur sedia ada terhadap perekodan minyak.
- e. PDRM hendaklah membuat permohonan menaik taraf markas-markas wilayah/operasi/taktikal setiap tahun kepada Kementerian untuk pertimbangan Kerajaan.
- f. PDRM hendaklah menaik taraf kemudahan/kelengkapan di PULAMAR dan menjadikan PULAMAR sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) agar pengurusan kewangan dapat diuruskan dengan lebih berkesan.

## **4.2 Pengauditan Terhadap Pengurusan Tanah Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

### **4.2.1 Latar Belakang**

Tanah Kerajaan seperti yang dijelaskan oleh Kanun Tanah Negara bermakna semua tanah di dalam Negeri itu selain daripada yang telah diberikan milik, tanah rizab, tanah lombong dan rizab hutan. Tanah Kerajaan Persekutuan iaitu tanah yang dipegang di bawah hak milik atau yang digunakan untuk Persekutuan. Seksyen 4, *Federal Lands Commissioner Act 1957* memperuntukkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) menjalankan kuasa sebagai tuan punya tanah Persekutuan di bawah hak miliknya. Tanah yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan tidaklah terletak hak kepada PTP tetapi tanah itu adalah juga menjadi tanggungjawab PTP sebab ianya adalah harta Persekutuan. Pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab PTP adalah terletak di bawah bidang kuasa dan kawalan Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG).

Dari segi pengawalan Tanah Persekutuan, PTP adalah pemegang (*custodian*) tanah kegunaan Kementerian/Jabatan Persekutuan. Perancangan tanah serta pengawalan tanah dibuat oleh Kementerian/Jabatan Pengguna. Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) seperti yang dinyatakan Pekeliling PTP Bil 3/2008 berperanan untuk mengenal pasti (termasuk memohon tanah melalui PTP), membangun dan mengawal tanah Kerajaan Persekutuan. Peranan PTP adalah antaranya seperti berikut:

- a. Mengurus perolehan tanah-tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan (termasuk perletakhakan tanah kepada PTP);
- b. Mengurus penyimpanan, penyelenggaraan dan pengemaskinian rekod- rekod tanah Persekutuan;
- c. Mengurus pelupusan tanah Persekutuan melalui penyewaan, pajakan, pindah milik dan lain-lain urusniaga tanah termasuk pelepasan/penyerahan balik tanah;
- d. Mengurus pembayaran cukai tanah ke atas semua tanah milik Persekutuan (cukai semasa);
- e. Membantu KJP di dalam perancangan guna tanah yang belum dibangunkan melalui pendekatan tukarguna tanah; dan
- f. Memberi nasihat teknikal di dalam bidang pengurusan dan perundangan tanah kepada semua KJP dan Kerajaan Persekutuan.

Sehubungan itu, KJP dalam kontek ini iaitu KDN dan PDRM hendaklah bertanggungjawab menguruskan, memantau dan membangunkan tanah serta menyelenggara rekod tanah milik / rizab Persekutuan agar tanah berkenaan dapat digunakan secara optimum dan mendatangkan hasil kepada Kerajaan. Dari segi pengurusan pembangunan tanah dan pengawalan tanah PDRM dipertanggungjawabkan kepada Unit Tanah Dan Sewaan, Cawangan Pengurusan Fasiliti, Jabatan Logistik & Teknologi Polis Diraja Malaysia, PDRM Bukit Aman, Kuala Lumpur.

#### **4.2.2 Objektif Pengauditan**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan tanah milik / rizab bagi kegunaan PDRM telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan.

#### **4.2.3 Skop Pengauditan**

Skop pengauditan ini memberi tumpuan kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan tanah dari 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2020.

#### **4.2.4 Metodologi Pengauditan**

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod, dokumen dan fail berkaitan, analisis data, temubual / perbincangan dengan pegawai dan anggota yang berkenaan serta lawatan/pemeriksaan fizikal ke atas 76 tapak lot tanah yang dipilih melibatkan enam (6) negeri dan 13 daerah seperti di jadual berikut:

**LAWATAN AUDIT BAGI PENGURUSAN TANAH  
POLIS DIRAJA MALAYSIA DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

KONTINJEN NEGERI	BIL.	DAERAH	JUMLAH LOT DILAWATI
Selangor	1.	Hulu Selangor	3
	2.	Kuala Selangor	4
	3.	Sabak Bernam	2
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4.	Kuala Lumpur	15
Johor	5.	Muar	7
Pulau Pinang	6.	Timur Laut	8
	7.	Barat Daya	1
Perak	8.	Kinta Batu Gajah	6
	9.	Manjung	2
	10.	Hilir Perak	8
	11.	Hulu Perak	10
Pahang	12.	Bentong	7
	13.	Bera	3
<b>JUMLAH</b>			<b>76</b>

#### 4.2.5 Penemuan Audit

Hasil pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan tanah PDRM adalah **kurang memuaskan** kerana terdapat isu ketidakpatuhan terhadap peraturan, penyelenggaraan rekod maklumat tanah yang tidak kemaskini, aspek pemantauan dan penguatkuasaan yang lemah serta tiada koordinasi dan penyelarasan yang baik antara pihak PDRM dan PTP iaitu JKPTG/ PTG Negeri dalam pengurusan tanah berkenaan. Kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- a. Tiada peruntukan khusus diterima oleh PDRM untuk pengurusan tanah seperti:
  - i. Pagar dan papan tanda bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020; dan
  - ii. Peruntukan bagi perolehan peralatan untuk memudahkan pelaksanaan tugas-tugas pemantauan tanah seperti perolehan kenderaan yang sesuai, peralatan GPS bagi menentukan sempadan dan lokasi tanah serta penggunaan teknologi *drone*.



- b. Bilangan perjawatan sedia ada di Unit Tanah dan Sewaan, Bukit Aman untuk menguruskan tanah PDRM tidak berpadanan dengan beban tugas yang dipertanggungjawabkan. Kedudukan ini lebih kritikal di peringkat IPK di mana Bahagian Pengurusan Fasiliti bertanggungjawab terhadap pelbagai fungsi selain dari urusan tanah.
- c. Tiada keseragaman dalam penyelenggaraan rekod tanah milik/rizab PDRM antaranya berkenaan aspek-aspek berikut:
- i. Tidak dapat menentukan sempadan tanah bagi tanah milik/rizab yang dilawati dan tiada sebarang rekod atau catatan tindakan yang telah dilaksanakan.
  - ii. Tiada sebarang catatan atau rekod berkenaan isu pencerobohan tanah sejak sekian lama termasuk segala tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan juga tidak direkodkan.
  - iii. Terdapat perbezaan rekod bilangan lot tanah PDRM antara Kementerian Dalam Negeri, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman dan enam (6) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri (IPK).
  - iv. Tanah yang sama direkodkan melebihi sekali dalam Sistem e-Tanah.
  - v. Maklumat ukuran keluasan yang dimasukkan ke dalam Sistem e-Tanah tidak seragam.
  - vi. Data tanah belum dikemas kini ke dalam Sistem e-Tanah.
- d. Tanah Milik/Rizab bagi kegunaan PDRM diceroboh secara berleluasa seperti berikut:
- i. 23 (30.26%) daripada 76 lot tanah yang dilawati diceroboh, diduduki dan dibangunkan tanpa kebenaran walaupun permohonan sewa belum dibuat/diluluskan atau pun permohonan telah ditolak antaranya seperti berikut:
- Tanah Kerajaan diceroboh oleh pembinaan tokong secara haram seperti **Gambar 15**.



**GAMBAR 15**

***Pembinaan Tokong Secara Haram  
Lot : 9015, Sungai Dua, Mukim 13,  
Daerah Timur Laut, Pulau Pinang  
(04.11.2020)***

- Tanah diceroboh dengan penanaman kelapa sawit tanpa ada sebarang perjanjian sewaan dimeterai sejak sekian lama seperti **Gambar 16 dan 17**.

**GAMBAR 16**



*Penanaman Kelapa Sawit Tanpa Sebarang Perjanjian Sewaan  
Lot : 2447, Sg. Batu, Pantai Remis,  
Perak  
(10.11.2020)*

**GAMBAR 17**



*Penanaman Kelapa Sawit Tanpa Sebarang Perjanjian Sewaan  
Lot : PT 8996, Felda Tembangau,  
Bera, Pahang  
(17.11.2020)*

- ii. Tapak tanah milik PDRM IPK Pulau Pinang seperti di **Gambar 18** masih diduduki oleh penceroboh walaupun bayaran pampasan ex-gratia berjumlah RM2.4 juta telah diberi.
- iii. Lot 483, Pekan Kampung Koh, Sitiawan, Perak seperti di **Gambar 19** telah dipindah milik kepada individu.

**GAMBAR 18**



*Tapak Tanah Masih Diduduki Walaupun Telah Diberi Pampasan  
Lot 9015, Mukim 13,  
Daerah Timur Laut, Pulau Pinang  
(04.11.2020)*

**GAMBAR 19**



*Lot Tanah Telah Dipindah Milik Kepada Individu  
Lot 483, Pekan Kg. Koh,  
Sitiawan, Perak  
(10.11.2020)*

- iv. Tanah milik PDRM seperti di **Gambar 20** diceroboh dan penyewa baru tidak dapat mengusahakan tanah kerana penceroboh enggan keluar dari tanah tersebut.



**GAMBAR 20**

***Penceroboh Mendirikan Pondok  
PT 1901, Bukit Tinggi, Bentong, Pahang  
(18.11.2020)***

- e. Terdapat tanah milik/rizab PDRM yang terbiar seperti di **Gambar 21** yang mana antaranya berada pada kedudukan terpencil serta jauh dan tidak sesuai untuk dibangunkan maka dicadangkan supaya diserahkan semula kepada JKPTG/PTG Negeri.



**GAMBAR 21**

***Tanah Terbiar Dipenuhi Belukar Dan  
Tidak Berpagar  
PT 100123, Siputeh, Perak  
(10.11.2020)***

- e. Sebanyak 16 (21.05%) daripada 76 lot tanah yang dilawati telah disewakan kepada individu, persatuan dan syarikat swasta. Namun, terdapat isu penyewaan tanah yang tidak dipatuhi seperti berikut:
- Dua (2) lot tanah yang disewa telah disewa kecil (*sublet*) kepada pihak lain seperti di **Gambar 22 dan 23**.
  - lapan (8) penyewa telah tamat perjanjian sewaan.
  - Perjanjian sewaan belum dimeterai bagi dua (2) lot tanah seperti di **Gambar 24 dan 25**. Tiada sebarang pembayaran sewaan kepada Kerajaan setakat 20 Oktober 2020.

**GAMBAR 22**



**Menyewa Kecil Tapak Kepada  
Kedai Perabot  
Lokasi : Lot 48190, Taman Sinar,  
Segambut, Kuala Lumpur  
(26.10.2020)**

**GAMBAR 23**



**Menyewa Kecil Tapak Kepada  
Bengkel Servis Motorsikal  
Lot 16325, Jalan Dato' Senu,  
Sentul, Kuala Lumpur  
(26.10.2020)**

**GAMBAR 24**



**Padang Bola Sepak Digunakan Oleh  
Kelab Bola Sepak Tanjung Karang  
Tanpa Perjanjian Sewaan  
Lot B, Tanjung Karang,  
Kuala Selangor, Selangor  
(20.10.2020)**

**GAMBAR 25**



**Rumah Orang Tua Yang Diuruskan  
Oleh Persatuan Rumah Cahaya  
Harapan Tanpa Perjanjian Sewaan  
Lot 379,380 & 381, Mukim 16, Air Itam  
(Hye keat Estate), Daerah Timur Laut,  
Pulau Pinang  
(04.11.2020)**

iv. Penyewa yang mengusahakan bengkel kenderaan di Lot 57930, Kuala Lumpur masih belum menjelaskan sewaan tapak sejak sekian lama. Pihak Audit tidak dapat memastikan jumlah sebenar tunggakan sewaan kerana tiada maklumat diperolehi. Semakan Audit selanjutnya mendapati perjanjian sewaan telah tamat dan tiada bukti penyambungan sewaan dikemukakan.

g. Setakat 31 Disember 2020, Notis 5A berjumlah RM2,633,090 bagi tiga (3) lot tanah masih belum dijelaskan dan melebihi tempoh yang ditetapkan.

#### 4.2.6 Rumusan dan Syor Audit

Berdasarkan penemuan Audit, prestasi pengurusan tanah Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk penyenggaraan kawasan persekitaran tanah di Semenanjung Malaysia adalah **kurang memuaskan** disebabkan oleh beberapa kelemahan yang dijumpai semasa pengauditan yang dijalankan. Bagi memperkemas lagi pengurusan tanah PDRM yang belum dibangunkan supaya dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta untuk mencapai objektifnya, adalah disyorkan semua pihak terlibat seperti Kementerian, PDRM serta JKPTG memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

- a. Menambahbaik 'Standard Operating Procedure' (SOP) dan peraturan berkaitan aspek pemantauan dan penguatkuasaan dengan menggunakan kaedah dan format yang seragam bukan hanya di peringkat PDRM Bukit Aman malah diperingkat IPK, Balai Polis dan seterusnya. Di samping itu, kuasa yang diwakilkan dari aspek penguatkuasaan melibatkan pencerobohan tanah oleh KTN kepada pihak PDRM perlu dilaksanakan bagi membendung pencerobohan tanah yang merugikan Kerajaan kerana kelewatan melaksanakan projek pembangunan di bawah PDRM;
- b. Menambahbaik keperluan perjawatan di peringkat Unit Tanah, PDRM Bukit Aman dan Bahagian Pengurusan Fasiliti peringkat IPK Negeri sepadan dengan beban tugas yang diberi yang meliputi pelbagai fungsi. Ini membolehkan pengurusan tanah dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan sistematik;
- c. Menambah baik penyelenggaraan rekod tanah yang lengkap dan seragam terutama maklumat kronologi aspek penguatkuasaan bagi kes pencerobohan tanah supaya tindakan dibuat secara bersepadu melibatkan pihak JKPTG/PTG dan pihak Berkuasa yang lain;
- d. Meningkatkan penyelarasan dan kerjasama yang baik dengan pihak JKPTG/PTG dari segi aspek teknikal perundangan tanah dan permohonan maklumat dan salinan perjanjian penyewaan tanah yang terkini melibatkan semua tanah milik/rizab PDRM;
- e. Mengemas kini maklumat e-Tanah di Kementerian dan menyelaraskan dengan maklumat tanah di PDRM Bukit Aman bagi membangunkan Pangkalan Data Bagi Tanah Milik/Rizab PDRM yang lengkap dan terkini bagi memudahkan PDRM merancang pembangunan, mengawal dan memantau semua tanah milik PDRM dengan lebih teratur, cekap dan berkesan;

- f. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi melengkapkan keperluan Logistik di Unit Tanah, PDRM Bukit Aman dan Bahagian Pengurusan Fasilitas di peringkat IPK meliputi perolehan kenderaan yang sesuai, penggunaan drone bagi memantau tanah yang terpencil dan sukar diakses, perolehan GPS bagi menentukan had sempadan tanah dan status tanah dan peruntukan bagi pemasangan pagar dan papan tanda di lokasi strategik dan berpotensi di samping papan tanda Hak Milik PTP dan PDRM serta maklumat Penyewa Tanah milik/rizab PDRM bagi tujuan pengiklanan;
- g. PDRM hendaklah melibatkan tanggungjawab pemantauan dan penguatkuasaan bukan hanya di peringkat IPK Negeri malah di peringkat IPD dan Balai Polis berhampiran di mana tanah milik/rizab PDRM berada bagi memastikan pemantauan berkala dapat dibuat secara lebih teratur dan sistematik. Ini membolehkan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;
- h. Notis 5A perlu dibayar dalam tempoh 3 bulan dari tarikh Notis 5A dikeluarkan. Ini bagi memastikan kelulusan permohonan atas tanah BAHAGIAN AUDIT DALAM, KDN vii tidak ditarik balik atau luput seperti Peruntukan - Peruntukan Seksyen 81 dan Seksyen 82 Kanun Tanah Negara; dan
- i. Mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan tanah hendaklah ditambah baik dengan penyediaan laporan yang terperinci semasa lawatan fizikal yang mencatatkan tarikh lawatan, surat peringatan dan notis amaran, catatan perkara yang ditemuduga dengan individu dan disertakan gambar dengan kronologi peristiwa pada 3 peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas. Selain itu tindakan bersepadu hendaklah dibuat dengan melibatkan pihak JKPTG/PTG, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak lain yang berkepentingan.

### **4.3 Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Aset Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)**

#### **4.3.1 Latar Belakang**

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ditubuhkan di bawah Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 (Akta 633) dan dipertanggungjawab untuk mengawal dan menguatkuasakan undang-undang maritim Persekutuan serta menjaga keselamatan dan ketenteraman Zon Maritim Malaysia (ZMM). Keluasan ZMM adalah 637,734.23km persegi. Pentadbiran pengawasan ZMM di bawah tanggungjawab APMM telah dibahagikan kepada 11 Maritim Negeri.

Oleh kerana ZMM yang luas, kapal dan bot merupakan aset penting dalam penugasan APMM. Selain itu, Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) digunakan untuk mengesan, menganalisis dan menyalur aktiviti pelayaran kapal melalui penggunaan radar dan camera surveillance di Remote Sensor Site (RSS). Manakala pesawat udara yang berpusat di Stesen Udara Maritim Subang digunakan dalam aktiviti penguatkuasaan dan mengawal keselamatan di ruang udara. Sehingga bulan September 2020, APMM dilengkapi dengan 234 kapal dan bot pelbagai kelas/jenis, 14 radar Remote Sensor Sites (RSS) SWASLA dan 2 radar mudah alih serta 8 buah pesawat udara dan 3 UAV.

Pengurusan penyenggaraan kapal/bot APMM diuruskan sendiri oleh Bahagian Kejuruteraan APMM menggunakan kaedah perolehan selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan/PK2.1/Perenggan 15 mulai Ogos 2018 hingga kini. Bagi penyenggaraan komprehensif SWASLA pula, 2 kontraktor telah dilantik untuk SWASLA Lumut dan SWASLA Sabah. Manakala bagi penyenggaraan pesawat udara, APMM melantik 3 kontraktor utama bagi setiap jenis pesawat udara yang dimiliki.

#### **4.3.2 Objektif Pengauditan**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai availability, utilization dan scalability aset maritim yang dimiliki oleh APMM bagi tujuan pengawasan ZMM. Selain itu objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan (maintainability) aset maritim APMM iaitu kapal/bot, radar dan pesawat udara telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

#### **4.3.3 Skop Pengauditan**

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penyenggaraan aset maritim APMM. Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat APMM, Pejabat Maritim Negeri, Zon Maritim, SWASLA Lumut dan SWASLA Sabah serta pengawasan radar yang dipasang di bawah seliaan ESSCOM bagi tempoh 3 tahun iaitu 2017 hingga Julai 2020.

#### **4.3.4 Metodologi Pengauditan**

Semakan dan analisis telah dibuat terhadap data, rekod, fail dan dokumen yang berkaitan. Selain itu, pemeriksaan secara fizikal dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan juga telah dilakukan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Pihak Audit juga menggunakan kaedah soal selidik untuk menilai kepuasan anggota/krew kapal terhadap penyenggaraan yang dilaksanakan oleh vendor/kontraktor.

#### 4.3.5 Penemuan Audit

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Februari hingga Ogos 2020 mendapati pengurusan penyenggaraan aset maritim APMM adalah **kurang memuaskan** disebabkan beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti perenggan berikut:

- a. SWASLA tidak meliputi keseluruhan perairan Zon Maritim Malaysia. Tiada *Remote Sensing Site* (RSS) ditempatkan di sepanjang perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, perairan Pantai Timur Sabah dan sepanjang perairan Negeri Sarawak. Selain itu, terdapat beberapa sudut buta bagi liputan radar SWASLA kerana terhalang dengan bukit dan jarak di antara RSS yang terlalu jauh.
- b. Daripada 5 radar *Target Hardening* seliaan ESSCOM, hanya empat (4) radar yang telah dipasang. Tiga (3) radar tersebut telah rosak sejak 2018 manakala satu radar telah mula rosak pada Julai 2020 kerana ketiadaan kontrak senggaraan setelah tempoh jaminan tamat.
- c. Berdasarkan statistik daripada Pusat Operasi SWASLA Lumut dan Sabah, sebanyak 1,743 sasaran curiga telah dikenalpasti bagi tahun 2017 hingga Julai 2020. Sebanyak 44.75% sasaran curiga tidak dapat diambil tindakan kerana beberapa faktor antaranya aset rosak, aset operasi khas SAR, cuaca buruk dan sasaran terlalu jauh.
- d. Komponen bagi sistem SWASLA telah mengalami kerosakan dan menyebabkan sebilangan RSS tidak dapat beroperasi secara optimum. Komponen utama tersebut tidak dapat dibaiki kerana ketiadaan alat ganti disebabkan tiada lagi pengeluaran dari pihak Original Equipment Manufacturer (OEM) dan tiada lagi dalam pasaran semasa (*obsolete*).
- e. Kontrak perkhidmatan rangkaian talian IPVPN telah tamat pada Julai 2017 dan tidak diperbaharui sehingga Julai 2020. Ketiadaan kontrak menyebabkan tiada penalti boleh dikenakan ke atas *downtime* yang berlaku. Selain itu, perkhidmatan rangkaian talian IPVPN tetap diteruskan oleh Syarikat walaupun kontrak telah tamat dan pembayaran dibuat di bawah AP59.
- f. Dua (2) buah *Mobile Surveillance Unit* (MSU) seperti di **Gambar 26** yang diperolehi pada tahun 2010 dengan kos berjumlah RM11.14 Juta hanya digunakan sebanyak 11 kali bagi tempoh 2012 hingga 2017. Kedua-dua MSU telah mengalami kerosakan dan tidak digunakan sejak tahun 2017.





**GAMBAR 26**

**Mobile Surveillance Unit (MSU)  
SWASLA Lumut, Perak  
(30.06.2020)**

- g. 43 daripada 69 buah kapal (62.3%) masih belum menjalani *Annual Docking* dalam tempoh 3 tahun seperti di **Gambar 27**. Sebahagian kapal yang tidak menjalankan *Annual Docking* telah mengalami kerosakan teruk dan berstatus 'Non-Ops'.



**GAMBAR 27**

**Antara Kapal Yang Masih Belum  
Menjalani Annual Docking Dan  
Mengalami Kerosakan Besar  
Kota Kinabalu, Sabah  
(16.07.2020)**

- h. Status kesiagaan kapal tidak mencapai KPI 70% yang telah ditetapkan bermula Jun 2018 hingga Jun 2020. Manakala kesiagaan bot berstatus 'Ops' juga tidak mencapai KPI 80% yang ditetapkan bagi semua bulan yang diaudit dari Januari 2018 hingga Jun 2020.
- i. 17 kapal/bot mempunyai *outstanding job card* sejak tahun 2014 masih belum dibaiki seperti di **Gambar 28**. 12 daripada 17 kapal/bot tersebut berstatus 'Non-Ops' masih digunakan untuk beroperasi.
- j. Pembekalan 5 daripada 6 buah Kapal NGPC telah melewati Jadual Pelaksanaan seperti yang ditetapkan di dalam kontrak di antara 118 hingga 927 hari. Manakala sebuah kapal lagi masih belum disiapkan dan diserahkan kepada APMM. Terdapat peralatan, senjata dan kerja dalam jaminan (DLP) yang masih belum dibekalkan/belum dilaksanakan bagi kapal-kapal yang telah diserahkan kepada APMM dan bayaran penuh telah dibuat.

- k. Tiga (3) buah *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) yang diperoleh bersama dengan tiga (3) buah kapal NGPC pada tahun 2017 tidak digunakan seperti di **Gambar 29**. Sebuah UAV masih belum didaftarkan dan penerimaan UAV tersebut telah dibuat tanpa ujian *Sea Acceptance Test* (SAT). Latihan penerbangan dan pengenalan asas mengenai komponen-komponen UAV di kapal juga tidak dilaksanakan.

**GAMBAR 28**



**Kapal Ini Mempunyai 140 Outstanding Job Card Yang Masih Belum Dibaiki  
Kota Kinabalu, Sabah  
(16.07.2020)**

**GAMBAR 29**



**UAV Tidak Digunakan Dan Disimpan Dan Stor  
Zon Maritim Sandakan, Sabah  
(15.07.2020)**

- l. Semakan terhadap kemudahan infrastruktur SWASLA mendapati perkara-perkara berikut:
- Kemudahan infra di RSS tidak seragam.
  - Tiada kontrak khusus bagi penyenggaraan bangunan.
  - Ruang ACC kurang kondusif.
  - Kerosakan pada RSS yang melibatkan kebocoran pada siling dan dinding seperti di **Gambar 30 dan 31**.



**GAMBAR 30**

**Rekahan Di Dinding Sehingga Air Meresap Dan Mengalir Ke Perkakasan Sistem SWASLA  
RSS Pulau Mantanani, Sabah  
(17.07.2020)**



**GAMBAR 31**

***Rekahan Di Dinding Sehingga Air  
Meresap Dan Mengalir Ke Perkakasan  
Sistem SWASLA  
RSS Pulau Mantanani, Sabah  
(17.07.2020)***

#### **4.3.6 Rumusan dan Syor Audit**

Secara keseluruhannya APMM mempunyai perancangan yang memuaskan dalam pengurusan penyenggaraan Aset Maritim. Bagaimanapun, dari aspek pelaksanaan pengurusan penyenggaraan adalah **kurang memuaskan**. Terdapat beberapa kekurangan yang memerlukan perancangan rapi untuk penambahbaikan bagi memastikan penyenggaraan Aset Maritim dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya APMM mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Mengemukakan cadangan peruntukan penyenggaraan khusus untuk pembaikan segera kapal yang telah tertangguh agak lama. Anggaran peruntukan akan datang juga perlu disalurkan mengikut bilangan kapal/bot dan tempoh rutin senggaraan AD dan AMP seperti yang ditetapkan oleh pembuat kapal/standard perkapalan.
- b. SST yang dikeluarkan bagi penyenggaraan kapal/bot perlu ditambah dengan klausa penalti/denda terhadap kualiti perkhidmatan/kerja yang dibuat supaya dapat menjaga hak kepentingan Kerajaan.
- c. Menambahbaik kontrak penyenggaraan SWASLA Lumut yang akan datang dengan memasukkan klausa "Tahap Ketersediaan Operasi" dan mengkaji semula kesesuaian kadar penalti bagi kontrak penyenggaraan komprehensif SWASLA.
- d. Setiap dokumen bagi bekalan/perkhidmatan/kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bekalan, perkhidmatan atau kerja telah lengkap diterima dan mesti ditandatangani dengan tarikh serta dicop terima dengan jelas supaya mempercepatkan proses pembayaran agar tidak berlaku kelewatan pada masa hadapan.

- e. Program penyenggaraan yang bertujuan memanjangkan jangka hayat aset (SLEP/Refit) perlu dilaksanakan bagi aset kapal/bot APMM yang telah melebihi usia guna aset.
- f. Mewujudkan kontrak pembekalan Onboard Spares dengan OEM yang berkenaan agar pembekalan Onboard Spares kepada kapal/bot dapat diberikan secara berterusan.
- g. Membuat tuntutan kepada pihak DMS untuk menyelesaikan kerja-kerja yang tertunggak kerana kontrak dengan pihak DMS dengan APMM masih belum tamat dan KM Lahad Datu masih belum diserahkan.
- h. Melaksanakan ujian HAT dan SAT secara menyeluruh bagi memastikan peralatan/kelengkapan yang diterima berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
- i. Melaksanakan kajian kesesuaian penggunaan UAV di laut dan cadangan supaya UAV dipindahkan kepada agensi yang boleh menggunakan/memerlukan pengawasan udara di darat.
- j. Membuat penyelarasan dan permohonan perjawatan tambahan bagi setiap kapal/bot untuk meningkatkan keupayaan operasi dan penjagaan terhadap kapal/bot supaya lebih teratur.
- k. Merancang untuk pembinaan jeti yang lengkap dari segi fasiliti dengan keluasan yang sesuai untuk menempatkan kapal/bot APMM dan bot nelayan asing yang ditahan. Selain itu, kelengkapan infra seperti jeti, rumah rehat dan tandas di RSS perlu diberi keutamaan bagi kegunaan wakil kontraktor untuk menjalankan penyenggaraan dan pemeriksaan berkala oleh pihak APMM.
- l. Mewujudkan kontrak penyenggaraan struktur bangunan RSS untuk pemeriksaan dari semasa ke semasa ke atas bangunan, sistem pendawaian elektrik dan komponen/peralatan bagi memastikan dalam keadaan selamat dan tidak terdedah kepada ancaman dan risiko.
- m. Membuat kajian semula secara terperinci bagi fungsi penggunaan unit MSU dengan mengambilkira kesinambungan kontrak menaiktaraf sistem SWASLA yang telah dicadangkan sebelum meneruskan perolehan untuk pembaikan.

## **4.4 Pengauditan Terhadap Pengurusan Senjata Api Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)**

### **4.4.1 Latar Belakang**

Sejarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) adalah berkait rapat dengan Pasukan *Home Guard* yang ditubuhkan bertujuan bagi menjaga keselamatan setempat apabila darurat diisytiharkan pada tahun 1948 dan telah dibubarkan selepas darurat diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960. Pada 11 Januari 1972 kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan RELA di bawah Seksyen 2 Akta (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1964.

Pada 22 Jun 2012, RELA telah dijenamakan semula dengan pemansuhan Iktan Relawan Rakyat Malaysia dan ditukarkan kepada Pasukan Sukarelawan Malaysia berdasarkan Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752) yang berteraskan konsep 5K 1P iaitu Keamanan, Keselamatan, Kesejahteraan, Kehamornian, Kesatuan dan Perpaduan.

Seksyen 5 (1) Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 menerangkan tugas RELA seperti berikut

- a. membantu mana-mana pasukan atau pihak berkuasa keselamatan yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis apabila diminta oleh pasukan keselamatan atau pihak berkuasa itu;
- b. memberikan bantuan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dalam mengawal dan mengubah haluan kenderaan motor;
- c. mengambil bahagian dalam khidmat masyarakat;
- d. membantu dalam melindungi bangunan, pemasangan atau harta lain yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun lain atau apa-apa harta persendirian apabila diminta oleh pemunya bangunan, pemasangan atau harta itu; dan
- e. menjalankan apa-apa perintah dan arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah yang selaras dengan peruntukan Akta ini.

Berdasarkan data RELA setakat Mac 2020, keanggotaan RELA seluruh negara adalah berjumlah 3.12 juta. Bahagian Persenjataan adalah bahagian yang bertanggungjawab dalam pengurusan hal-hal persenjataan RELA di seluruh negara. Objektif Bahagian Persenjataan RELA adalah:

- a. menentukan pemilik senjata api dipantau, dikawal dan dibimbing mengikut undang-undang dari segi penggunaan, penyimpanan dan keselamatannya bagi mengelak sebarang perbuatan salah guna; dan
- b. memastikan sistem dan proses kerja pengurusan senjata api dilaksanakan mengikut kualiti dan prinsip kerja RELA.

#### **4.4.2 Objektif Pengauditan**

Pengauditan dijalankan bagi menentukan pengurusan senjata api dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan mengikut peraturan dan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

#### **4.4.3 Skop Pengauditan**

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan senjata api bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu 2018 hingga 2020. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat RELA Malaysia (IPRM), tiga (3) Pejabat RELA Negeri (PRN) dan tiga (3) Pusat Latihan RELA (PLR) seperti berikut:

- i. Ibu Pejabat RELA Malaysia (IPRM)
- ii. PLR Wilayah Selatan di Sungai Udang, Melaka (PLRWS)
- iii. Pejabat RELA Negeri (PRN) Melaka
- iv. PLR Wilayah Timur di Kuala Berang, Terengganu (PLRWT)
- v. Pejabat RELA Daerah (PRD) Hulu Terengganu
- vi. PLR Wilayah Utara di (PLRWU)
- vii. Pejabat RELA Negeri (PRN) Kedah

#### **4.4.4 Metodologi Pengauditan**

Pengauditan dijalankan melalui semakan fail, rekod, dokumen, semakan fizikal di stor simpanan senjata api dan peluru serta bilik kebal. Lawatan fizikal di rumah pemilik lesen senjata api tidak dapat dijalankan berikutan halangan wabak COVID-19. Selain itu, temu bual turut dijalankan dengan pegawai berkaitan.

#### **4.4.5 Penemuan Audit**

Pengauditan telah dijalankan di PLRWT pada 29 November hingga 3 Disember 2020, PLRWS pada 30 November hingga 4 Disember 2020 dan PLRWU pada 21 hingga 25 Februari 2021. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

- a. Kad RELA 1/86 yang baru di Pejabat RELA Daerah Hulu Terengganu akan digunakan setiap kali terdapat perubahan pemilikan senjata api. Ini menyebabkan senjata api yang sama mempunyai beberapa kad dan rekod pemilikan tidak diwarisi dalam kad yang sama.
- b. Semakan terhadap rekod pemilikan senjata api mendapati perkara-perkara berikut:
  - i. seorang anggota RELA di Daerah Alor Gajah dan seorang anggota RELA di Daerah Jasin adalah lebih awal lima (5) tahun dan 20 tahun dari tarikh menjadi ahli RELA.
  - ii. maklumat pemeriksaan kesihatan tahunan, kenyataan sebagai bekas anggota tentera atau bekas anggota polis, kenyataan anggota tiada rekod jenayah, senarai kursus, pemilikan kebun sendiri atau senarai ke aktiviti dalam program membasmi musuh tanaman di kawasan daerah tidak dinyatakan secara menyeluruh di dalam sistem myRELA.
  - iii. Rekod pemilikan bagi 37 anggota RELA di Daerah Hulu Terengganu adalah lebih awal antara tujuh (7) bulan hingga 34 tahun dari tarikh menjadi ahli RELA.
  - iv. Rekod pemilikan senjata api bagi empat (4) anggota RELA di Negeri Kedah adalah lebih awal antara tujuh (7) bulan hingga 10 tahun dari tarikh menjadi ahli RELA.
- c. Salinan lesen A dan senarai senjata api milik Pejabat RELA Daerah Terengganu, Kelantan dan Pahang yang disimpan di PLRWT tidak diserahkan kepada pegawai stor senjata api. Perkara yang sama juga berlaku di PLRWS bagi senjata api tumpangan milik Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.
- d. Kotak simpanan senjata api milik Pejabat RELA Daerah Terengganu, Kelantan dan Pahang yang disimpan di PLRWT seperti di **Gambar 32** hanya mempunyai satu (1) kunci dan disimpan oleh Pegawai RELA Daerah berkenaan.



**GAMBAR 32**

**Kotak Simpanan Senjata Hanya  
Mempunyai 1 Kunci  
Stor Senjata Api PLRWT, Terengganu  
(02.12.2020)**

- e. Semakan terhadap pengeluaran dan penggunaan senjata api mendapati perkara-perkara berikut:
- i. Surat Kebenaran Membawa Senjata Api di PLRWT tidak diisi dengan lengkap iaitu Nombor Kad Pengenalan Pegawai Pengeluar tidak dinyatakan.
  - ii. tujuh (7) senjata api jenis Shot Gun 12 Bore dikeluarkan untuk tujuan latihan. Namun, nombor siri yang diluluskan berdasarkan Surat Kelulusan Ketua Polis Daerah (KPD) dan rekod dalam Buku Daftar Keluar Masuk Senjata Api adalah berbeza.
  - iii. Jumlah senjata api jenis Shot Gun 12 Bore yang dikeluarkan bagi tujuan Ujian Kemahiran Menembak Kursus Asas RELA Siri 02/2018 di PLRWT pada 16 Ogos 2018 adalah tidak sama dengan jumlah senjata api yang diluluskan oleh KPD.
  - iv. Di PLRWT, permohonan pengeluaran peluru lewat direkodkan ke dalam SPS. Tempoh masa yang diambil oleh PLRWT adalah antara enam (6) hingga 382 hari di PLRWU adalah antara satu (1) hingga 256 hari.
- f. Semakan terhadap pengeluaran dan penggunaan peluru mendapati perkara-perkara berikut:
- i. Di PLRWT, permohonan pengeluaran peluru lewat direkodkan ke dalam SPS. Tempoh masa yang diambil oleh PLRWT adalah antara enam (6) hingga 382 hari di PLRWU adalah antara satu (1) hingga 256 hari.
  - ii. Berdasarkan Buku Daftar Keluar Masuk Peluru dan rekod SPS, sebanyak 5,400 unit peluru 9mm telah dikeluarkan pada 19 Oktober 2018, namun tiada bukti permohonan melalui Borang Permohonan Stok (KEW.PS-8) dikemukakan untuk semakan Audit.
  - iii. Berdasarkan rekod Kad Petak (KEW.PS-4) secara manual, stor di PLRWT telah menerima sebanyak 10,000 unit peluru jenis 5.56mm pada 4 September 2017. Namun, terimaan ini tidak direkodkan di dalam SPS.
  - iv. Terdapat perbezaan baki bilangan peluru milik RELA Negeri Terengganu berdasarkan rekod antara Buku Daftar Keluar Masuk Peluru di PLRWT dan Kad Petak (KEW.PS-4).
- g. Di PLRWT, peluru jenis .38 yang dibeli melalui perolehan pada tahun 2001 tidak digunakan sepenuhnya. Peluru tersebut masih di dalam kotak dan sebahagian kotak tersebut telahpun rosak dan reput seperti di **Gambar 33**.





**GAMBAR 33**

***Perolehan Peluru Jenis .38 Pada Tahun 2001 Tidak Digunakan Sepenuhnya Stor Senjata Api PLRWT, Terengganu (02.12.2020)***

- h. Semakan terhadap pembatalan lesen dan penarikan balik senjata api mendapati perkara-perkara berikut:
- i. Tujuh (7) ahli RELA di Negeri Melaka, sembilan (9) ahli RELA di Negeri Terengganu dan tiga (3) ahli RELA di Negeri Kedah yang telah mencapai umur 60 tahun tetapi tidak dilaksanakan tindakan penarikan balik senjata api dan peluru.
  - ii. Pejabat RELA Daerah Alor Gajah menggunakan Borang Penarikan Senjata Api RELA yang berbeza format seperti yang ditetapkan dalam Manual Pengurusan Senjata Api RELA.
  - iii. Di PLRWS, senarai ahli RELA yang dibekalkan senjata api (Kedudukan Pembahagian Senjata Api) juga tidak disediakan dengan lengkap seperti format Lampiran E di dalam Manual Pengurusan Senjata Api RELA.
  - iv. Pejabat RELA Daerah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah mengambil masa antara 14 hingga 97 hari bagi mengemaskini Lampiran F – Laporan Mengenai Sebarang Perubahan/Pindaan Di Atas Kad RELA 1/86 setelah Lampiran D – Borang Penarikan Senjata Api RELA dikeluarkan.
  - v. Lanjutan daripada Pejabat RELA Daerah terbabit lewat mengemaskini Lampiran F, tempoh masa yang diambil untuk mengemukakan laporan tersebut daripada Pejabat RELA Negeri kepada Ibu Pejabat RELA Malaysia adalah antara tiga (3) hingga 73 hari.
- i. sebanyak 126 laras senjata api mengalami kerosakan dan telah diasingkan seperti di **Gambar 34 dan 35**. Namun, kerosakan senjata api tersebut tidak dilaporkan menggunakan borang KEW.PA-10. Tiada sebarang dokumen dikemukakan bagi membuktikan tindakan selanjutnya telah diambil.

**GAMBAR 34**



**Senjata Api Yang Rosak  
Stor Senjata Api PLRWT, Terengganu  
(30.11.2020)**


**GAMBAR 35**



**Senjata Api Rosak Yang Diasingkan  
Stor Senjata Api PLRWT, Terengganu  
(02.12.2020)**

- j. Sebanyak empat (4) senjata api di PLRWS telah dikeluarkan keputusan oleh Mahkamah, namun pejabat RELA yang berkenaan tidak mengambil sebarang tindakan lanjutan keputusan tersebut.
- k. kelongsang peluru M16 yang telah digunakan seperti di **Gambar 36** masih belum dibuat pelupusan sejak tahun 2015. Bekas Komandan PLRWS telah mengeluarkan surat rujukan RELA (S) 99/1118/4-PLRWS (32) bertarikh 7 April 2017 bagi permohonan pelupusan kelongsong peluru M16 dan 9MM. Namun, tiada tindakan susulan dibuat sehingga tahun 2020. Selain itu, kelongsong peluru yang telah digunakan disimpan dalam kotak yang tidak ditutup dengan sempurna dan diletakkan di luar bilik stor peluru yang terdedah kepada panas dan hujan serta kecurian seperti di **Gambar 37**.

**GAMBAR 36**



**Peluru Telah Guna Belum Dilupuskan  
Stor Senjata Api dan Peluru di PLRWS,  
Melaka  
(02.12.2020)**

**GAMBAR 37**



**Peluru Telah Guna Tidak Disimpan  
Dengan Sempurna  
Stor Senjata Api dan Peluru di PLRWU,  
Kedah  
(21.02.2021)**

- i. Sebahagian kawasan stor senjata api dan peluru di PLRWS seperti di **Gambar 38** adalah terdedah dan tidak berpagar. Pihak RELA memaklumkan bahawa pagar keselamatan telah ditanggalkan oleh pihak kontraktor yang dilantik pada bulan Februari 2020 bagi menggantikan pagar yang baru daripada jenis *chainlink fencing* kepada *security fencing*. Namun, sehingga pengauditan dilaksanakan, tiada tindakan diambil bagi penggantian pagar keselamatan. Pagar keselamatan stor senjata api dan peluru juga didapati telah dirosakkan oleh haiwan perosak.



**GAMBAR 38**

**Kawasan Belakang Stor Terdedah dan Tidak Berpagar  
Stor Senjata Api dan Peluru di PLRWS,  
Melaka  
(02.12.2020)**

- m. Antara penemuan Audit berkenaan pengurusan kelesamatan stor adalah seperti berikut:
- Di PLRWS, satu (1) unit CCTV di bilik kebal tidak mencukupi kerana ruang bagi menyimpan senjata api tumpangan daripada pejabat RELA Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Johor (Daerah Segamat dan Tangkak) serta ruang simpanan peluru tidak ada CCTV.
  - Bilik Komandan PLRWS tidak mempunyai monitor khas untuk memantau paparan CCTV. Komandan hanya dibekalkan satu (1) unit komputer yang mana akan digunakan bagi tujuan kerja dan pemantauan paparan CCTV.
  - Tiada monitor untuk memantau paparan CCTV di Bilik Pengawal Stor di PLRWS dan PLRWU. Pihak Audit dimaklumkan bahawa monitor tersebut telah rosak dan diserahkan kepada vendor untuk tujuan baik pulih sejak bulan Oktober 2020.
  - semakan terhadap pangkalan data CCTV di PLRWT mendapati hanya situasi semasa sahaja dapat dipaparkan dan tiada rakaman *backup* kejadian sebelum dirakamkan.
  - kawasan belakang stor peluru dan pintu masuk utama di PLRWU tidak dipasang CCTV yang mana menyebabkan kawasan tersebut terlindung daripada penglihatan dan pengawasan.

- vi. Di PRN Kedah, didapati satu (1) unit CCTV yang dipasang di laluan hadapan bilik kebal yang menyimpan senjata api tumpangan milik Daerah Padang Terap, Kubang Pasu dan Kota Setar tidak berfungsi dan tiada rakaman dibuat.
- n. Motor penggerak pagar di pintu masuk utama PLRWT telah rosak seperti di **Gambar 39**. Perkara ini menyebabkan pintu tersebut sentiasa dalam keadaan terbuka dan terdedah kepada kebarangkalian kemasukan orang luar tanpa urusan.



**GAMBAR 39**

***Pagar Pintu Masuk Utama Rosak  
PLRWT, Terengganu  
(02.12.2020)***

- o. Stor senjata api dan peluru di PLRWT hanya mempunyai satu (1) kunci yang dipegang oleh Pegawai Stor. Selain itu, PLRWT tidak menyediakan Buku Daftar Keluar Masuk Kunci Stor bagi merekodkan pergerakan penggunaan kunci stor tersebut.
- p. Stor peluru di PLRWT dipasang dengan satu (1) unit penghawa dingin. Namun, alat penghawa dingin tersebut bocor dan menyebabkan lantai stor peluru basah serta kotak peluru mulai reput seperti di **Gambar 40**.



**GAMBAR 40**

***Kebocoran Penghawa Dingin  
Stor Peluru PLRWT, Terengganu  
(02.12.2020)***

- q. kotak yang berisi peluru telah disusun rapat ke dinding akibat ruang stor peluru yang kecil dan sempit seperti di **Gambar 41**. Keadaan ini boleh menyebabkan peluru tersebut mengalami perubahan suhu dan boleh menjejaskan kualiti peluru.



**GAMBAR 41**

***Ruang Stor Yang Kecil dan Sempit  
PLRWU, Kedah  
(21.02.2021)***

- r. Stor senjata api dan peluru di PLRWS mempunyai empat (4) lampu limpah di keliling stor berkenaan. Namun, kesemua lampu limpah berkenaan tidak berfungsi dan rosak akibat perbuatan haiwan liar seperti monyet.
- s. enam (6) unit alat pemadam api telah melewati tarikh luput iaitu pada 6 dan 14 November 2020. Selain itu, alat pemadam api tersebut hanya diletakkan di atas lantai.

#### **4.4.6 Rumusan dan Syor Audit**

Berdasarkan penemuan di atas, pihak Audit mendapati pengurusan senjata api RELA adalah **kurang memuaskan**. Pihak RELA perlu mengkaji penemuan Audit dan melakukan penambahbaikan ke atas pengurusan senjata api dengan lebih menyeluruh. Bagi memastikan pengurusan senjata api dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan, pihak Audit mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Mengkaji semula penempatan dan pengisian Pegawai dan Penolong Pegawai RELA supaya selaras dengan bebanan tugas di sesuatu PLR/ Pejabat Rela Daerah/ Negeri.

- b. Mengemaskini proses/carta aliran kerja dan Manual Pengurusan Senjata Api RELA serta menjalankan naziran bagi memastikan peraturan sedia ada yang berkuatkuasa dipatuhi;
- c. Memastikan penggunaan sistem MyRela di semua PLR/ Pejabat Rela Daerah/ Negeri dan data keahlian dikemaskini dari semasa ke semasa;
- d. Mempercepatkan tindakan pelupusan senjata api dan peluru agar ruang penyimpanan dapat dioptimumkan dengan kondusif serta mengelakkan berlaku kecurian atau kehilangan; dan
- e. Memastikan aspek keselamatan kawasan stor senjata api dan peluru mengikut peraturan yang ditetapkan dan peralatan seperti CCTV, pagar keselamatan, alat pemadam api dan lampu limpah berfungsi dengan baik.

#### **4.5 Pengauditan Terhadap Pengurusan Orang Di Parol Jabatan Penjara Malaysia (JPM)**

##### **4.5.1 Latar Belakang**

Parol adalah pelepasan seseorang banduan untuk menjalani mana-mana bahagian hukuman pemenjarannya di luar penjara menurut sesuatu Perintah Parol. Orang Diparol (ODP) adalah seseorang banduan yang dilepaskan atas suatu Perintah Parol. Berbeza dengan pengampunan atau pembatalan hukuman, parol adalah masih lagi secara realiti menjalani hukuman penjara dan boleh dikembalikan menyambung hukuman pemenjarannya di sebalik tembok sekiranya melakukan salah laku, melanggar undang-undang atau masih menjadi ancaman kepada masyarakat. Sistem Parol diselia oleh Bahagian Parol Dan Perkhidmatan Komuniti, JPM.

Objektif Sistem Parol adalah seperti berikut:

- a. Model pemulihan penghuni yang meyakinkan Penggubal Undang-Undang di negara yang melaksanakan parol bahawa *“the period immediately following the incarceration is critical to successful reintegration of the offender into society and positive citizenship”*;
- b. Membantu penghuni mengatasi masalah pekerjaan, penempatan, kewangan dan kesulitan-kesulitan peribadi yang seringkali merunsingkan dan menjadi cabaran kepada seseorang penghuni yang ingin menyesuaikan diri dengan hidup bermasyarakat selepas menjalani hukuman pemenjaraan; dan

- c. Sistem Parol boleh melindungi masyarakat kerana sistem ini membantu penghuni melalui pengawasan pegawai parol menyesuaikan diri dalam masyarakat dan mengelakkan penghuni dari berulang kali melakukan jenayah.

Bagi tahun 2020 sehingga bulan Mei, Sistem Maklumat Pengurusan Parol menunjukkan 11,163 banduan layak menjalani pemulihan dalam komuniti berdasarkan kesalahan yang dilakukan dan daripada jumlah tersebut 3,117 (27.9%) banduan telah mengikuti program tersebut manakala baki 8,046 (72.1%) masih belum memenuhi keseluruhan syarat layak dan sedang mengikuti program pemulihan.

#### **4.5.2 Objektif Pengauditan**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pelaksanaan program penempatan ODP telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan mencapai objektif ditetapkan.

#### **4.5.3 Skop Pengauditan**

Pengauditan ini merangkumi dua bidang utama audit iaitu prestasi aktiviti proses kelulusan parol, penempatan dan pemantauan ODP bagi tempoh tahun 2017 sehingga Mei 2020. Prestasi proses kelulusan parol dinilai berdasarkan pematuhan terhadap tempoh ditetapkan manakala penempatan ODP berdasarkan soal selidik terhadap ODP. Selain itu, prestasi pemantauan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan telah dipatuhi.

#### **4.5.4 Metodologi Pengauditan**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod berkaitan di Bahagian Parol, Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia, Pejabat Pengarah Penjara Negeri Selangor dan Bahagian Parol, Penjara Kajang serta Urusetia Lembaga Parol, KDN. Sesi temubual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta ODP telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

Lawatan Audit bersama pegawai JPM juga telah diadakan ke Rumah Perantaraan (RP), kilang Panasonic Appliances Air-Conditioning Malaysia Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor untuk program Corporate Smart Internship (CSI), Pejabat Parol Daerah (PPD) Wangsa Maju, PPD Cheras, PPD Ampang dan PPD Hulu Langat. Soal selidik turut diedarkan kepada 43 ODP, 15 ahli keluarga ODP dan 5 Pegawai Parol bagi menilai tahap kepuasan ODP terhadap pelaksanaan program parol.

#### 4.5.5 Penemuan Audit

Hasil penemuan yang dilaksanakan mendapati beberapa kelemahan yang boleh diperbaiki seperti berikut:

- a. Sebanyak 2,928 atau 15.1% daripada 19,449 jumlah dosir lewat diproses oleh JPM iaitu selepas Tarikh Layak Parol (TLP) antara 1 hingga 331 hari.
- b. Perintah Parol bagi 16,176 atau 83.2% daripada 19,449 permohonan lewat dikeluarkan antara 2 hingga 1,044 hari selepas tempoh 14 hari yang ditetapkan.
- c. Terdapat kekurangan dalam Sistem e-Dosir seperti berikut:
  - i. Tidak mengandungi maklumat dan dokumen penting seperti Borang Persetujuan Keluarga, Borang Lawatan Kediaman oleh Pegawai Parol, Borang Persetujuan Majikan dan Akuan Kebenaran Penggunaan Maklumat.
  - ii. Tiada ruang maklum balas disediakan untuk ahli Lembaga Parol memberi ulasan, pandangan dan kelulusan mereka terhadap setiap permohonan.
- d. Rumah Perantaraan Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur tidak diselenggara. Sejak tahun 2019 tidak digunakan kerana berlaku kerosakan yang teruk seperti di **Gambar 42 dan 43**.

**GAMBAR 42**



**Siling Bilik Rosak  
Rumah Perantaraan WP Kuala Lumpur  
(23.10.2019)**

**GAMBAR 43**



**Dinding Rosak Akibat Kebocoran Paip  
Rumah Perantaraan WP Kuala Lumpur  
(23.10.2019)**

- e. Tiada perjanjian atau memorandum rasmi disediakan di antara pihak JPM dengan syarikat yang menyertai program CSI. Wujud persekitaran tempat tinggal yang kurang kondusif.



- f. Tiada semakan Pegawai Pengesah yang akan mengesahkan kerja pemantauan yang telah dilaksanakan oleh Orang Diparol.

#### 4.5.6 Rumusan dan Syor Audit

Secara keseluruhannya, Program Parol adalah **baik** sejajar dengan hasrat murni untuk memberi ruang dan peluang kepada banduan menyesuaikan diri dengan masyarakat sebelum mereka dibebaskan. Pihak Audit mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Memanfaatkan Sistem e-Dosir sepenuhnya agar dapat mengurangkan kadar kesilapan dan kelewatan dalam penyediaan dosir secara manual.
- b. Menggalakkan lebih banyak syarikat menyertai program CSI, permohonan insentif seperti pengecualian cukai boleh dipertimbangkan.
- c. Menyediakan memorandum rasmi dengan syarikat yang menyertai program CSI supaya dapat melindungi kepentingan ODP dan Jabatan sekiranya berlaku perkara di luar jangkaan.
- d. Melaksanakan kajian keberkesanan program parol dilaksanakan bagi tujuan cadangan penambahbaikan untuk jangka masa panjang.

# Bahagian 5

LAPORAN SISTEM KAWALAN  
DALAMAN PUSAT KOS/PEJABAT  
PEMUNGUT



## **5. SISTEM KAWALAN DALAMAN PUSAT KOS/PEJABAT PEMUNGUT**

### **5.1 Latar Belakang**

Pemeriksaan Mengejut dijalankan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi keselamatan pungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain; pengeluaran dan pembayaran wang dibuat mengikut undang-undang; penggunaan; serta akaun dan rekod kewangan diselenggarakan dengan betul dan kemas kini yang tertakluk kepada pengauditannya.

Selain itu, program ini, dikenali sebagai Sistem Kawalan Dalaman Pusat Kos bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan Pusat Kos bahawa Bahagian AD sentiasa memantau tahap pematuhan peraturan kewangan Pusat Kos di bawah seliaan KDN. Program ini merupakan satu pendekatan pengauditan yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada auditi.

### **5.2 Objektif Pengauditan**

Menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

### **5.3 Skop Dan Metodologi Pengauditan**

Skop meliputi segala penerimaan termasuk wang pos, kiriman wang, wang tunai, cek, bayaran melalui kad kredit dan setem hasil, wang panjar termasuk panjar wang runcit dan panjar khas dan borang hasil yang dikawal. Selain itu, aspek kawalan dalaman untuk pengauditan hasil seperti kuasa menerima wang dan urusan perbankkan pada hari yang sama, Kawalan Aset dan Pengurusan Stor serta Kawalan Penggunaan Kenderaan Kerajaan juga turut diambil kira dalam melaksanakan pengauditan ini.

### **5.4 Pemilihan Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos/Pejabat Pemungut**

Sejumlah 23 Pejabat yang telah dipilih dan kriteria pemilihan adalah seperti berikut:

- i. Pejabat yang memungut hasil terutama yang memungut hasil yang besar;
- ii. Pemungut/pejabat yang belum pernah diaudit dalam tempoh setahun;

- iii. Keutamaan adalah pada pemungut/pejabat yang berhampiran dengan Agensi/PTJ lain yang sedang dijalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan; dan
- iv. Pemungut/pejabat yang diarahkan untuk diaudit oleh pihak atasan.

## 5.5 Penemuan Audit

Pada tahun 2020, pengauditan ini telah dilaksanakan di 23 Pusat Kos (PK)/Pejabat Pemungut (PP) di jabatan Kementerian Dalam Negeri seperti di berikut:

### PENGAUDITAN MENGEJUT MENGIKUT JABATAN PADA TAHUN 2020

BIL.	JABATAN	BILANGAN PK/PP	NAMA PK/PP DILAWATI
1.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	8	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Mersing, Johor</li> <li>▪ IPD Pontian, Johor</li> <li>▪ IPD Baling, Kedah</li> <li>▪ IPD Grik, Perak</li> <li>▪ IPD Barat Daya, Pulau Pinang</li> <li>▪ IPD Subang Jaya, Selangor</li> <li>▪ IPD Sepang, Selangor</li> <li>▪ IPD Padang Besar, Perlis</li> </ul>
2.	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pejabat Imigresen Bahagian Miri, Sarawak</li> <li>▪ Jabatan Imigresen Semporna, Sabah</li> <li>▪ Jabatan Imigresen Ranau, Sabah</li> <li>▪ Jabatan Imigresen Stulang Laut, Johor</li> </ul>
3.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	10	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ JPN Cawangan UTC Johor</li> <li>▪ JPN Cawangan UTC Ipoh, Perak</li> <li>▪ JPN Cawangan RTC Sg. Rambai, Melaka</li> <li>▪ Pejabat Pendaftaran Negara Daerah (PPND) Cameron Highlands, Pahang</li> <li>▪ PPND Tenom, Sabah</li> <li>▪ PPND Tawau, Sabah</li> <li>▪ PPND Kuala Penyu, Sabah</li> <li>▪ PPND Pitas, Sabah</li> <li>▪ PPND Beaufort, Sabah</li> <li>▪ PPND Barat Daya, Pulau Pinang</li> </ul>
4.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	1	Bahagian Penguatkuasa dan Kawalan (PKK) Negeri Melaka
<b>JUMLAH</b>		<b>23</b>	

Hasil pemeriksaan Audit mendapati sebahagian peraturan dan prosedur utama yang telah ditetapkan tidak dipatuhi seperti di jadual berikut:

### PENEMUAN AUDIT PADA TAHUN 2020

BIL.	KRITERIA AUDIT	PK/PP YANG TIDAK PATUH
<b>1.</b>	<b>KUTIPAN/TERIMAAN</b>	
<b>1.1.</b>	<b>Borang Hasil Yang Dikawal</b>	
1.1.1	Borang hasil direkodkan dengan kemas kini dalam Daftar Borang Hasil (Kew. 67) [AP 67]	1) PPND Cameron Highlands, Pahang 2) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah
1.1.2	Baki stok borang hasil didaftar bersamaan dengan baki sebenar.	1) PPND Cameron Highlands, Pahang 2) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah
1.1.3	Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang hasil lain yang belum digunakan disimpan dalam peti besi/bilik kebal. [AP 126(a)]	-
1.1.4	Borang hasil yang diterima disemak dan diperakui betul tentang ketepatan nombor siri di setiap helaian pertama buku resit [AP. 66 (a)] dan dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul. [AP. 66 (c)]	1) IPD Pontian, Johor 2) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah 3) IPD Padang Besar, Perlis
1.1.5	Borang hasil yang dikeluarkan daripada stok disemak sekurang-kurangnya setiap minggu oleh Pemungut atau wakilnya untuk memastikan resit yang belum digunakan masih utuh. [AP. 80 (c)]	1) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah 2) JPN Barat Daya 3) IPD Barat Daya 4) IPD Padang Besar, Perlis
<b>1.2.</b>	<b>Penerimaan Wang</b>	
1.2.1	Resit Rasmi dikeluarkan bagi setiap penerimaan. [AP 60]	-
1.2.2	Resit Rasmi dikeluarkan secara bersiri. [AP 66(c)]	-
1.2.3	Kutipan direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. [AP 72]	Jabatan Imigresen Semporna, Sabah

## PENEMUAN AUDIT PADA TAHUN 2020 (Samb..)

BIL.	KRITERIA AUDIT	PK/PP YANG TIDAK PATUH
1.2.4	Semua kutipan telah dibankkan dengan segera. (AP 78).	1) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah 2) IPD Padang Besar, Perlis
1.2.5	Semakan dibuat terhadap cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. [AP 80(d)]	-
1.2.6	Resit Rasmi Perbendaharaan diterima untuk jumlah yang dibankkan. [AP 80(e)]	-
1.2.7	Kutipan yang tidak sempat dibankkan, disimpan dalam Peti Besi/tempat selamat yang lain. [AP 126]	-
1.2.8	Daftar Mel (manual/eT) diselenggarakan bagi terimaan melalui pos. [AP 71 (a)]	-
1.2.9	Daftar Mel diselenggara oleh pegawai selain daripada juruwang/pegawai yang menyediakan resit. [AP 71 (a)]	IPD Pontian, Johor
1.2.10	Resit bagi semua kutipan melalui mel/penghantar telah dikeluarkan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja yang berikutnya. [AP60(ii)]	-
<b>1.3.</b>	<b>Penurunan Kuasa</b>	
1.3.1	Pegawai yang memungut hasil diberi kuasa secara bertulis.	1) IPD Pontian, Johor 2) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah
1.3.2	Kad akses untuk kemasukan ke sistem komputer berada pada pegawai yang diberi kuasa.	-
1.3.3	Kad akses/katalaluan untuk kemasukan ke sistem berkomputer bagi pegawai yang bertukar/berhenti telah dibatalkan.	-
<b>1.4.</b>	<b>Kaunter Kutipan</b>	
1.4.1	Ciri-ciri keselamatan wujud di ruang tempat kasyer membuat kutipan hasil.	JPN Cawangan RTC Sg. Rambai
1.4.2	Notis kepada orang awam untuk meminta resit ada dipaparkan di tempat yang mudah dilihat. (AP 61)	-
1.4.3	Ciri-ciri keselamatan wujud bagi kutipan yang dibuat secara mesin dan juga elektronik. [AP 70 (b)]	-

## PENEMUAN AUDIT PADA TAHUN 2020 (Samb..)

BIL.	KRITERIA AUDIT	PK/PP YANG TIDAK PATUH
<b>2.</b>	<b>PANJAR WANG RUNCIT</b>	
2.1	Jumlah sebenar panjar wang runcit diluluskan berdasarkan surat kelulusan.	IPD Barat Daya
2.2	Wang yang diserahkan serta bil di tangan adalah mencukupi dan bersamaan dengan jumlah yang diakaunkan dalam Buku Panjar Wang Runcit.	1) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah 2) IPD Padang Besar, Perlis
2.3	Semua pembelian runcit direkodkan dalam Buku Panjar Wang Runcit.	IPD Padang Besar, Perlis
2.4	Kelulusan diberi bagi semua pembelian melalui Panjar Wang Runcit.	-
2.5	Tiada pendahuluan yang dibuat daripada panjar wang runcit.	-
2.6	Semua tuntutan rekupmen telah diterima	-
2.7	Pada penghujung tahun, satu sijil perakuan panjar bersama rekupmen terakhir bagi tahun tersebut dikemukakan kepada Akauntan Negara dan Ketua Audit Negara. [AP 113(f)]	Jabatan Imigresen Semporna, Sabah
<b>3.</b>	<b>PETI BESI</b>	
3.1	Peti besi/bilik kebal digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. [AP 126 (a); AP 125]	-
3.2	Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berlainan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. [AP 125]	1) IPD Pontian, Johor 2) PKK Negeri Melaka
3.3	Peti besi dicantumkan ke rangka bangunan; jika bersesuaian. [AP 127]	Jabatan Imigresen Semporna, Sabah
3.4	Bagi pejabat yang tidak mempunyai kemudahan peti besi/bilik kebal atau wang lewat diserahkan ke bank, wang termasuk cek itu dimasukkan ke dalam karung berkunci untuk disimpan di balai polis atau suatu resit didapatkan daripada pegawai polis. [AP 126(b)]	-

## PENEMUAN AUDIT PADA TAHUN 2020 (Samb..)

BIL.	KRITERIA AUDIT	PK/PP YANG TIDAK PATUH
<b>4.</b>	<b>PEMERIKSAAN MENGEJUT</b>	
4.1	Ketua Jabatan melakukan pemeriksaan mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan terhadap peti besi, peti, laci wang, wang tunai, setem & barang berharga. [AP 309(a)]	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) IPD Pontian, Johor</li> <li>2) PPND Cameron Highlands, Pahang</li> <li>3) Pejabat Imigresen Bahagian Miri, Sarawak</li> <li>4) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah</li> <li>5) PKK Negeri Melaka</li> <li>6) IPD Padang Besar, Perlis</li> </ul>
4.2	Ketua Jabatan/wakil ada melakukan pemeriksaan dalaman terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan aset awam). [AP308]	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) IPD Mersing, Johor</li> <li>2) IPD Pontian, Johor</li> <li>3) PPND Cameron Highlands, Pahang</li> <li>4) JPN Cawangan UTC Ipoh, Perak</li> <li>5) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah</li> <li>6) PKK Negeri Melaka</li> <li>7) IPD Barat Daya</li> <li>8) JPN Cawangan UTC Johor</li> <li>9) Jabatan Imigresen Stulang Laut, Johor</li> <li>10) IPD Padang Besar, Perlis</li> <li>11) IPD Gerik, Perak</li> <li>12) IPD Baling, Kedah</li> </ul>
4.3	Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan direkod dengan lengkap dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. [AP 309(b)]	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah</li> <li>2) PKK Negeri Melaka</li> <li>3) IPD Gerik, Perak</li> </ul>
<b>5.</b>	<b>KAWALAN ASET</b>	
5.1	Semua harta modal dan aset alih bernilai rendah hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.	PKK Negeri Melaka



## PENEMUAN AUDIT PADA TAHUN 2020 (Samb..)

BIL.	KRITERIA AUDIT	PK/PP YANG TIDAK PATUH
5.2	Aset diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) IPD Mersing, Johor</li> <li>2) IPD Pontian, Johor</li> <li>3) JPN Cawangan UTC Ipoh, Perak</li> <li>4) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah</li> <li>5) PKK Negeri Melaka</li> <li>6) IPD Gerik, Perak</li> </ol>
5.3	Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) diselenggarakan dan dipamerkan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) IPD Mersing, Johor</li> <li>2) IPD Pontian, Johor</li> <li>3) JPN Cawangan RTC Sg. Rambai</li> <li>4) PKK Negeri Melaka</li> <li>5) IPD Padang Besar, Perlis</li> </ol>
<b>6.</b>	<b>PENGURUSAN STOR</b>	
6.1	Penerimaan barang-barang dari pembekal di Stor Pusat/Utama menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1 yang disediakan oleh Pegawai Penerima dan diperakukan oleh Pegawai Pengesah.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah</li> <li>2) PKK Negeri Melaka</li> </ol>
6.2	Stok barang-barang berharga dan menarik disimpan di tempat yang sesuai dan selamat.	-
6.3	Baki fizikal barang-barang stor barang berharga dan menarik adalah sama dengan baki terakhir di kad petak/kad daftar stok.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) IPD Mersing, Johor</li> <li>2) IPD Pontian, Johor</li> <li>3) JPN Cawangan UTC Ipoh, Perak</li> <li>4) Pejabat Imigresen Bahagian Miri, Sarawak</li> <li>5) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah</li> <li>6) JPN Cawangan RTC Sg. Rambai</li> <li>7) PKK Negeri Melaka</li> <li>8) IPD Barat Daya</li> <li>9) JPN Cawangan UTC Johor</li> <li>10) IPD Padang Besar, Perlis</li> <li>11) IPD Gerik, Perak</li> </ol>

## PENEMUAN AUDIT PADA TAHUN 2020 (Samb..)

BIL.	KRITERIA AUDIT	PK/PP YANG TIDAK PATUH
6.4	Laporan Kedudukan Stok KEW.PS-14 disediakan setiap suku tahun bagi semua kategori stor untuk dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK).	1) IPD Mersing, Johor 2) PKK Negeri Melaka
<b>7.</b>	<b>KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN KERAJAAN</b>	
7.1	Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	1) Pejabat Imigresen Bahagian Miri, Sarawak 2) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah 3) IPD Gerik, Perak
7.2	Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan (Pemegang Kad) setiap masa (kecuali Kad Inden Pegawai Gred JUSA C dan ke atas) melainkan ada keperluan mengisi minyak.	-
7.3	Pegawai kenderaan mengemas kini Buku Rekod Pergerakan Kad Inden apabila ada keperluan untuk mengisi minyak oleh pemandu.	1) Pejabat Imigresen Bahagian Miri, Sarawak 2) Jabatan Imigresen Semporna, Sabah 3) IPD Gerik, Perak
7.4	Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) dan <i>SmartTAG</i> bagi kenderaan Jabatan disimpan selamat oleh pegawai kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya.	-
7.5	Pegawai kenderaan mengemas kini Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR apabila ada keperluan untuk membuat bayaran tol oleh pemandu.	-

### 5.6 Rumusan Dan Syor Audit

Secara keseluruhannya, pemeriksaan mengejut yang dijalankan mendapati tahap pematuhan terhadap peraturan perlu dipertingkatkan lagi. Ketua Pejabat perlu mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan yang dibangkitkan agar tidak berulang. Ibu Pejabat Jabatan perlu membuat pemantauan dan memberi latihan secara berterusan kepada semua pegawai di pejabat cawangan yang terlibat dalam urusan kewangan supaya mereka dapat melaksanakan tugas kewangan dengan betul mengikut peraturan.

# Bahagian 6

LAPORAN SUSULAN AUDIT



## 6. SUSULAN AUDIT

### 6.1 Latar Belakang

Susulan Audit adalah satu pendekatan untuk meninjau semula (*revisit*) berkaitan kelemahan dan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Pengurusan Kewangan dan Laporan Prestasi yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam pada tahun 2018 dan 2019. Tujuan susulan Audit ini adalah untuk menilai keberkesanan tindakan yang diambil oleh pihak auditi terhadap syor dan cadangan serta maklum balas berkaitan yang telah dipersetujui. Pihak Audit juga menyemak baucar bayaran bagi bulan Januari hingga Oktober 2020 bagi menilai aspek kepatuhan kewangan pada tahun semasa.

### 6.2 Penemuan Audit

Sebanyak lapan (8) laporan Pengauditan Prestasi dan 11 laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan yang dirancang untuk dibuat susulan pada tahun 2020 bagi memastikan usaha penambahbaikan telah diambil dan perkara yang sama tidak berulang. Walau bagaimanapun, disebabkan penularan wabak Covid-19 gelombang pertama bermula bulan Mac dan gelombang kedua pada bulan Oktober, hanya dua (2) susulan laporan Pengauditan Prestasi dan lapan (8) susulan laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan yang dapat dilaksanakan.

Hasil semakan Audit mendapati sebanyak 40 (40%) isu yang telah dibangkitkan dalam laporan lalu masih berulang manakala terdapat 16 isu baharu ditemui. Ringkasan isu bagi susulan Audit yang dilaksanakan bagi tahun 2020 mengikut jenis pengauditan adalah seperti berikut:

#### RINGKASAN ISU BAGI SUSULAN AUDIT TERHADAP LAPORAN PENGAUDITAN PRESTASI

BIL.	PTJ	BILANGAN ISU TERDAHULU	BILANGAN ISU SELESAI	BILANGAN ISU	
				ISU BERULANG	ISU SEMASA / BAHARU
1.	Pengurusan Pemberian Geran Persatuan Penduduk, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)	9	7	2	0
2.	Pengurusan Pembinaan IPD Pekan, Pahang, Polis Diraja Malaysia (PDRM)	9	5	1	1
<b>JUMLAH</b>		<b>18</b>	<b>12</b>	<b>3</b>	<b>1</b>

**RINGKASAN ISU BAGI SUSULAN AUDIT TERHADAP  
LAPORAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN**

BIL.	PTJ	BILANGAN ISU TERDAHULU	BILANGAN ISU SELESAI	BILANGAN ISU	
				ISU BERULANG	ISU SEMASA/ BAHARU
1.	IPK Perak	33	29	4	2
2.	IPD Miri, Sarawak	35	20	15	5
3.	IPD Sri Aman, Sarawak	35	28	7	3
4.	JIM Melaka	9	4	2	5
5.	PUSPEN Raub, Pahang	23	21	2	-
6.	Pejabat RELA Kelantan	8	3	-	5
7.	Pejabat RELA Melaka	9	7	1	5
8.	AKSEM Kedah	30	24	6	-
<b>JUMLAH</b>		<b>182</b>	<b>136</b>	<b>37</b>	<b>15</b>



## Bahagian 7

### LAPORAN PROGRAM ANAK ANGKAT DAN LAIN-LAIN

- Program Anak Angkat
- Pengesahan Data Baki Aset dan Liabiliti
- Arahan Pembayaran Tahun 2020
- Khas
- Siasatan

## 7.1 PROGRAM ANAK ANGKAT

### 7.1.1 Latar Belakang Program

Pelaksanaan program adalah selaras dengan PS 3.1 tahun 2013 Pekeliling Perbendaharaan yang telah menetapkan objektif dan fungsi Unit Audit Dalam untuk membantu organisasi menilai tahap operasi dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dalaman serta memberi khidmat nasihat secara objektif dan sistematik berkaitan pengurusan kewangan dan tadbir urus.

Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan, kelemahan yang sama dan berulang berkaitan pengurusan kewangan/aktiviti di Jabatan/Agensi/Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih berlaku sungguhpun seringkali dibangkitkan oleh pihak Audit. Sehubungan itu, Bahagian Audit Dalam KDN mengambil langkah yang lebih proaktif dan sistematik untuk membantu PTJ yang terpilih melalui pelaksanaan Program Anak Angkat.

Program ini telah bermula pada tahun 2016, di mana PTJ yang terpilih akan diberi bimbingan secara *hands-on* dalam tempoh yang ditetapkan untuk memperbaiki apa jua kelemahan pengurusan kewangan yang dikenal pasti. Dengan bimbingan yang terarah, PTJ yang terpilih dapat meningkatkan prestasi pengurusan kewangan ke tahap yang lebih cemerlang.



### 7.1.2 Objektif Program

- i. Memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada Agensi memperbaiki kelemahan yang berlaku terutamanya dari segi penyelenggaraan rekod perakaunan;
- ii. Membantu pihak Agensi memahami dan melaksanakan pematuhan terhadap arahan kewangan semasa;
- iii. Meningkatkan prestasi pengurusan kewangan PTJ; dan
- iv. Menambahbaik *rating* pengurusan kewangan ke tahap Cemerlang.

### 7.1.3 Skop Dan Metodologi Program

Skop bimbingan Audit meliputi lapan (8) kawalan pengurusan kewangan di peringkat PTJ iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

Pasukan Audit yang terlibat akan memeriksa, menyemak dan mengkaji sistem kawalan dalaman yang diwujudkan oleh pihak PTJ di dalam pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan. Beberapa sampel transaksi akan dipilih untuk menentukan ketidakpatuhan/kelemahan kawalan dalaman pengurusan kewangan PTJ. Fasa satu berbentuk bimbingan dan fasa kedua merupakan penilaian yang akan menentukan keberkesanan usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan oleh PTJ.

Metodologi pengauditan adalah seperti berikut:

- i. Mengeluarkan surat pelantikan kepada PTJ yang terpilih;
- ii. Menyediakan Jadual Lawatan Program Anak Angkat;
- iii. Melantik pegawai perhubungan (*Liason Officer*) di peringkat PTJ terpilih;
- iv. Temubual bersama pihak pengurusan dan pegawai yang terlibat secara langsung;
- v. Menyemak rekod perakaunan/kewangan;
- vi. Memberikan nasihat dan pembetulan serta-merta terhadap perkara yang didapati tidak mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan;
- vii. *Exit Conference* setiap kali lawatan susulan untuk membincangkan permasalahan pengurusan kewangan PTJ;
- viii. Menyediakan pemerhatian dan syor Audit;
- ix. Mendapatkan ulasan/jawapan dan tindakan yang telah diambil; dan
- x. Menyediakan laporan kemajuan.

### 7.1.4 Pemilihan PTJ

Kriteria asas terhadap pemilihan PTJ sebagai Anak Angkat ialah pejabat yang mempunyai ruang untuk menambahbaik pengurusan kewangannya. Pejabat berkenaan dikenal pasti melalui hasil pengauditan yang telah dilakukan dan mendapat penarafan bintang yang rendah serta PTJ yang menunjukkan minat/inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan di pejabat masing-masing.

Berdasarkan Rancangan Audit Tahun 2020, 10 PTJ telah dipilih dalam program anak angkat ini. Walau bagaimanapun, disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik Covid-19, terdapat empat (4) PTJ yang perlu ditukarkan kepada PTJ yang berada di kawasan berdekatan sahaja manakala satu PTJ lagi dibatalkan. Butiran adalah seperti jadual berikut:



## PTJ YANG TERPILIH SEBAGAI ANAK ANGKAT BAGI TAHUN 2020

BIL.	PTJ	JABATAN	KRITERIA PEMILIHAN
1.	BN 4 Semenyih, Selangor	PDRM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penarafan 3 bintang (77.11%) pada tahun 2019.</li> <li>• Rancangan asal adalah IPK Kedah [penarafan 3 bintang (75.49%) pada tahun 2013].</li> </ul>
2.	BN 9 PGA Kubang Badak, Terengganu	PDRM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penarafan 2 bintang (67.77%) pada tahun 2017.</li> <li>• Rancangan asal adalah PULAPOL Segamat [penarafan 3 bintang (73.07%) pada tahun 2014] ditukarkan kerana markah penilaian fasa 1 melebihi 80%.</li> </ul>
3.	Batalion 20 PGA Beluran, Sabah	PDRM	Penarafan 3 bintang (76.09%) pada tahun 2019.
4.	IPD Keningau, Sabah	PDRM	Dibatalkan.
5.	IPD Belaga, Sarawak	PDRM	Penarafan 2 bintang (63.74%) pada tahun 2019.
6.	AADK W.P. Kuala Lumpur	AADK	Penarafan 1 bintang (58.40%) pada tahun 2019.
7.	AADK Kelantan	AADK	Penarafan 2 bintang (67.06%) pada tahun 2019.
8.	PUSPEN Dengkil, Selangor	AADK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penarafan 4 bintang (89.42%) pada tahun 2019.</li> <li>• Rancangan asal adalah Pejabat RELA Terengganu kerana penarafan bagi tahun 2015 (85.84%) menurun berbanding tahun 2012 (90.61%).</li> </ul>
9.	Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan	RELA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penarafan 3 bintang (82.96%) pada tahun 2017.</li> <li>• Rancangan asal adalah Pusat Latihan RELA Wilayah Timur [penarafan 3 bintang (84.15%) pada tahun 2014].</li> </ul>
10.	Ibu Pejabat JPPM	JPPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penarafan 2 bintang (69.02%) pada tahun 2019.</li> <li>• Rancangan asal adalah Penjara Kluang kerana tahun terakhir diaudit adalah pada tahun 2012.</li> </ul>

### 7.1.5 Pencapaian PTJ

Perintah Kawalan Pergerakan dan gelombang kedua peningkatan kes Covid-19 yang berlaku sepanjang tahun 2020 telah menyebabkan kesemua PTJ yang terpilih sebagai Anak Angkat belum selesai melalui fasa lawatan kedua iaitu penilaian akhir sebelum 31 Disember 2020 kecuali Batalion 20 PGA Beluran, Sabah. Perkara ini bertujuan untuk memberi ruang kepada PTJ mengambil tindakan penambahbaikan terhadap semua teguran Audit sebelum pengauditan fasa 2 dilaksanakan. Pelaksanaan Program Anak Angkat tahun 2020 adalah seperti berikut:

#### PELAKSANAAN PROGRAM ANAK ANGKAT TAHUN 2020

BIL.	PTJ	MARKAH		CATATAN
		SEMASA DIPILIH (TAHUN AUDIT)	FASA 1 (TARIKH LAWATAN)	
1.	Batalion (BN) 4 PGA Semenyih, Selangor	77.11% (2019)	65.54% (01.09.2020)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penarafan menurun daripada 3 bintang ke 2 bintang.</li> <li>• Lawatan fasa 2 dilaksanakan pada bulan Mei 2021 kerana BN 4 masih menunggu kelulusan JANM untuk dijadikan sebagai Pejabat Pemungut dan baru selesai di audit oleh pihak JIPS, Bukit Aman.</li> </ul>
2.	BN 9 PGA Kubang Badak, Terengganu	67.77% (2017)	83.29% (19.07.2020)	Lawatan fasa 2 dilaksanakan pada 22 Mac 2021.
3.	Batalion 20 PGA Beluran, Sabah	76.09% (2019)	83.06% (10.02.2020)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan fasa 2 dilaksanakan pada 16 Februari 2021.</li> <li>• Penarafan meningkat daripada 3 bintang semasa fasa 1 kepada 4 bintang (90.02%).</li> </ul>
4.	IPD Belaga, Sarawak	63.74% (2019)	86.00% (19.10.2020)	Fasa 2 tidak dapat dilaksanakan kerana berlaku kebakaran di pejabat PTJ pada 14.12.2020.
5.	AADK W.P. Kuala Lumpur	58.40% (2019)	69.18% (15.06.2020)	Lawatan fasa 2 dilaksanakan pada 22 Mac 2021.
6.	AADK Kelantan	67.06% (2019)	77.17% (23.08.2020)	Lawatan fasa 2 dilaksanakan pada bulan April 2021.
7.	PUSPEN Dengkil, Selangor	89.42% (2019)	88.38% (13.07.2020)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Markah penarafan sedikit menurun iaitu sebanyak 1.16%.</li> <li>• Lawatan fasa 2 dilaksanakan pada bulan April 2021.</li> </ul>

BIL.	PTJ	MARKAH		CATATAN
		SEMASA DIPILIH (TAHUN AUDIT)	FASA 1 (TARIKH LAWATAN)	
8.	Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan	82.96% (2017)	85.58% (20.07.2020)	Lawatan fasa 2 dilaksanakan pada 22 Mac 2021.
9.	Ibu Pejabat JPPM	69.02% (2019)	74.69% (10.08.2020)	Lawatan fasa 2 dilaksanakan pada bulan April 2021.

### 7.1.6 Rumusan

Secara keseluruhannya, didapati tahap pengurusan kewangan di sembilan (9) PTJ yang terpilih menunjukkan peningkatan berbanding pemarkahan tahun terakhir diaudit pengurusan kewangannya kecuali dua (2) PTJ iaitu BN 4 Semenyih, Selangor dan PUSPEN Dengkil, Selangor. Pencapaian sebenar kesemua PTJ anak angkat selepas pengauditan fasa 2 dilaksanakan akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2021.

## 7.2 PENGESAHAN TERHADAP DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI

### 7.2.1 Latar Belakang

Pelaksanaan perakaunan akruan adalah selaras dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi dan pelaksanaan *Outcome Based Budgeting* (OBB) yang akan memberi kesan signifikan dalam pengurusan fiskal berhemat serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pada 11 Mei 2011, YAB Perdana Menteri telah meluluskan pelaksanaan perakaunan akruan yang merupakan salah satu daripada 21 inisiatif SRI *Public Finance Lab*.

Bahagian Audit Dalam di setiap Kementerian telah diarahkan untuk membuat pengesahan/semakan baki awal data aset dan liabiliti sebelum penyediaan penyata kewangan berasaskan akruan. Strategi pelaksanaan pengesahan data baki awal ini adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan JANM Bilangan 6 Tahun 2013 bertarikh 9 Oktober 2013.

### 7.2.2 Objektif

Pengesahan/semakan data baki aset dan liabiliti dibuat terhadap KDN serta Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawahnya bagi memastikan nilai aset serta liabiliti adalah tepat dan bebas daripada sebarang kesilapan yang material sebelum data baki awal berkenaan dimuat naik ke dalam sistem *Government Financial Management Accounting System* (iGFMAS) serta memenuhi tujuh (7) kriteria berikut:

BIL.	KRITERIA	KETERANGAN
1.	<i>Completeness</i>	Keseluruhan urus niaga yang perlu direkodkan telah direkodkan.
2.	<i>Accuracy</i>	Amaun/Jumlah dan data lain berkaitan dengan transaksi telah direkodkan sewajarnya.
3.	<i>Cut-off</i>	Urus niaga telah direkodkan dalam tempoh perakaunan yang betul.
4.	<i>Occurrence</i>	Urus niaga dan peristiwa yang direkodkan telah berlaku dan berkaitan dengan entiti.
5.	<i>Existence</i>	Fizikal item wujud dan boleh disahkan.
6.	<i>Rights and Obligations</i>	Entiti mempunyai hak ke atas aset. Liabiliti adalah milik entiti dan mempunyai tanggungjawab untuk meluaskannya.
7.	<i>Valuation</i>	Aset dan liabiliti yang direkodkan telah dibuat pelarasan dan penilaian sewajarnya.

### 7.2.3 Pelaksanaan Pengesahan

Bahagian Audit Dalam KDN mula melaksanakan pengesahan baki akruan berdasarkan arahan hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan JANM Bilangan 6 Tahun 2013 bertarikh 9 Oktober 2013. Pengesahan/semakan baki awal Aset Alih, Aset Tak Alih, Aset Dalam Pembinaan, Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar merupakan item yang memerlukan pegesahan dan semakan audit bagi tujuan penyediaan penyata kewangan untuk perakaunan akruan.

### 7.2.4 Penemuan Audit

Pengesahan baki awal data bagi *cut-off date* 31 Disember 2019 dan 30 Jun 2020 yang dikemukakan masing-masing pada 21 Januari 2020 dan 16 Mac 2020 daripada Bahagian Akaun KDN melibatkan data aset tak alih dan aset hidup adalah seperti di jadual berikut manakala baki awal aset dan liabiliti lain adalah kekal. Merujuk kepada surat daripada bahagian berkenaan, data tambahan baharu diterima penilaiannya daripada JPPH dan tidak dimasukkan dalam template sebelum ini.

CUT-OFF DATE	DATA ASET TAK ALIH PERLU DISAHKAN	DATA ASET TAK ALIH TELAH DISAHKAN	PENEMUAN AUDIT
31 Disember 2019	Bangunan (10)	Bangunan (10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 tanah dapat disahkan.</li> </ul>
	Tanah (18)	Tanah (18)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 11 tanah dapat disahkan.</li> <li>• 7 tanah tidak dapat disahkan.</li> </ul>
	Aset Hidup (126)	Aset Hidup (78)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 78 dapat disahkan.</li> <li>• 48 belum disahkan.</li> </ul>
30 Jun 2020	Tanah (114)	Tanah (114)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 78 tanah dapat disahkan.</li> <li>• 14 tanah tidak dapat disahkan.</li> <li>• 16 tanah didapati diceroboh.</li> <li>• 5 tanah di Sarawak tidak dapat dilawati kerana Wabak Covid-19.</li> <li>• 1 tanah telah disahkan pada tahun 2019.</li> </ul>

### 7.2.5 Syor Audit

Berikut merupakan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil:

- Dokumen sokongan Aset Tak Alih (ATA) dan Aset Hidup (AH) hendaklah difailkan dengan teratur bagi memudahkan rujukan dibuat terhadap ketepatan nilai aset yang dimasukkan ke dalam sistem mySPATA dan template akruan.
- Setiap PTJ hendaklah mengemaskini semula nilai tanah dan bangunan ke dalam sistem mySPATA dan template akruan berdasarkan penilaian JPPH. Sesalinan laporan penilaian JPPH, pelan tanah, geran tanah dan dokumen lain yang berkaitan hendaklah disimpan untuk memudahkan rujukan serta mengesahkan milikan.
- PTJ hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap tanah yang diceroboh bagi memastikan hak Kerajaan diperlihatkan.

## 7.3 PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN TAHUN 2020

### 7.3.1 Latar Belakang

Pengurusan Arahkan Pembayaran merupakan salah satu daripada kawalan perbelanjaan yang wajar diberi keutamaan oleh Jabatan/Agensi di bawah KDN. Pengurusan perbelanjaan yang baik antara lainnya bertujuan memastikan perbelanjaan diuruskan secara telus dan penuh amanah. Tatacara yang telah ditetapkan bagi membelanjakan wang awam hendaklah dipatuhi selaras dengan Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

### 7.3.2 Objektif

Objektif pengauditan ini dilaksanakan untuk memastikan perkara-perkara berikut:

- a. Pengurusan Arahkan Pembayaran bagi bekalan, perkhidmatan dan aset dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;
- b. Sistem Kawalan Dalam terhadap pengurusan perbelanjaan dan pembayaran bagi perolehan adalah berkesan;
- c. Memastikan pembayaran bekalan dan perkhidmatan serta aset dibuat setelah perolehan sempurna dilaksanakan dan disiapkan; dan
- d. Rekod yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemaskini.

### 7.3.3 Skop dan Metodolgi Pengauditan

Pemilihan sampel Arahkan Bayaran bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan di bawah Kod Objek Am 20000 dibuat melalui semakan Laporan Bil/Inbois (AP103). Liputan dokumen pengauditan adalah dari tahun 2019 sehingga Mei 2020. Sebanyak 10 PTJ telah dipilih iaitu di Sarawak dan Sabah yang dilaksanakan oleh Cawangan Audit Dalam KDN Sarawak dan Sabah seperti berikut:

#### SENARAI PTJ BAGI PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN TAHUN 2020

BIL.	AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN (RM)
1.	KDN	Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan KDN (BPK) Negeri Sarawak	48	227,912.75
2.	PDRM	Markas Pasukan Polis Marin Wilayah Lima (MPPM) Sarawak	55	684,025.46

**SENARAI PTJ BAGI  
PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN TAHUN 2020 (Samb..)**

BIL.	AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN (RM)
3.	PDRM	Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Sabah	30	940,459.80
4.	PDRM	Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Kinabalu, Sabah	30	308,216.91
5.	APMM	APMM Negeri Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan	32	198,276.76
6.	AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Sarawak	49	217,743.82
7.	AADK	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Kuching	74	494,918.47
8.	JPPM	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Negeri Sarawak	71	371,382.49
9.	RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Sarawak	66	571,219.27
10.	RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Sabah	45	575,410.86
<b>JUMLAH</b>			<b>500</b>	<b>4,589,566.59</b>

### 7.3.4 Penemuan Audit

Pemilihan sampel Arahan Bayaran bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan di bawah Kod Objek Am 20000 dibuat melalui semakan Laporan Bil/Inbois (AP103). Liputan dokumen pengauditan adalah dari tahun 2019 sehingga Mei 2020. Sebanyak 10 PTJ telah dipilih iaitu di Sarawak dan Sabah yang dilaksanakan oleh Cawangan Audit Dalam KDN Sarawak dan Sabah seperti berikut:

**PENEMUAN AUDIT TERHADAP  
PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN TAHUN 2020**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ TERLIBAT
1.	Pegawai penerima barangan stor/stok dan membuat pengesahan dalam Nota Penerimaan Barang tidak dilantik secara bertulis dan tidak terlibat dalam urusan stor.	i. BPK, Sarawak ii. AADK Sarawak

**PENEMUAN AUDIT TERHADAP  
PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN TAHUN 2020 (Samb..)**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ TERLIBAT
2.	Kelewatan untuk merekodkan barang stor/stok yang diterima.	BPK, Sarawak
3.	Stok yang diterima tidak direkodkan dalam KEW.PS-3	AADK Sarawak
4.	Kerja pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan tidak disenaraikan dan direkodkan di KEW.PA-15	BPK, Sarawak
5.	Arahan Pembayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap dan sempurna.	i. BPK, Sarawak ii. MPPM Sarawak iii. PULAPOL Kota Kinabalu, Sabah iv. IPD Kota Kinabalu, Sabah v. APMM Sabah & W.P Labuan vi. AADK Sarawak vii. PUSPEN Sarawak viii. JPPM Sarawak ix. RELA Sarawak
6.	Pembayaran dibuat melebihi tempoh yang sepatutnya (14 hari)	BPK, Sarawak
7.	Pecah kecil perolehan	MPPM Sarawak
8.	Tiada semakan terhadap Laporan Bil AP103 yang dicetak oleh Penyelia	MPPM Sarawak
9.	Pengurusan Kontrak Tidak Teratur	i. PULAPOL Kota Kinabalu, Sabah ii. APMM Sabah & W.P Labuan

### 7.3.5 Syor Audit

Berikut merupakan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil:

- a. Memastikan penerimaan barang stor/stok dilakukan oleh pegawai yang dilantik dan pegawai yang terlibat dalam urusan stor;
- b. Memastikan tiada kelewatan untuk merekodkan barang stor/stok yang diterima;
- c. Kerja pembaikan/penyelenggaraan direkod dan dikemas kini dalam KEW.PA-15;
- d. Merekodkan stok yang diterima ke dalam KEW.PS-3;



- e. Memastikan semua Arahan Pembayaran dikepilkan dengan dokumen sokongan yang lengkap sebelum bayaran dilakukan;
- f. Memastikan Pembayaran dibuat dalam tempoh yang sepatutnya (14 hari);
- g. Memastikan pecah kecil perolehan tidak berlaku;
- h. Melaksanakan pemantauan terhadap semua bil-bil pembayaran secara berkala mengikut kehendak peraturan semasa; dan
- i. Mematuhi tatacara pengurusan kewangan yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.

## **7.4 PENGAUDITAN KHAS**

### **7.4.1 Susulan Audit Terhadap Laporan Pengauditan Pengurusan Sistem Dan Prosedur Pendaftaran Negara**

#### **(a) Latar Belakang**

Bahagian Audit Dalam menjalankan susulan Audit terhadap Laporan Pengauditan Sistem Dan Prosedur Di Jabatan Pendaftaran Negara yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 bagi memastikan sama ada kelemahan dan ketidakpatuhan telah diambil tindakan atau masih berulang di JPN. Selain itu, susulan Audit ini dilaksanakan berdasarkan arahan pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian Dalam Negeri bagi persediaan sebelum Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan di JPN dalam masa yang terdekat.

#### **(b) Objektif**

Objektif susulan Audit adalah untuk menilai sama ada kelemahan dan ketidakpatuhan dalam Laporan Pengauditan Terhadap Pengurusan Sistem Dan Prosedur Pendaftaran Negara yang dikeluarkan pada tahun 2017 telah diambil tindakan. Selain itu, menilai sama ada pengurusan sistem dan prosedur pendaftaran negara dilaksanakan dengan cekap, berkesan, berekonomi dan teratur bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

#### **(c) Skop dan metodologi Pengauditan**

Susulan Audit ini meliputi aspek pelaksanaan, pemantauan dan penilaian terhadap Pengurusan Sistem Dan Prosedur Pendaftaran Negara berdasarkan laporan pengauditan yang telah dikeluarkan dan penambahbaikan prosedur yang dilaksanakan oleh JPN.

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan perjanjian kontrak dan *Standard Operating Procedures* (SOP). Selain itu, pengauditan dijalankan dengan pemeriksaan fizikal, ujian simulasi terhadap sistem/aplikasi, dan temubual terhadap pegawai/kakitangan di 3 JPN Negeri melibatkan 10 JPN Daerah/Cawangan.

#### **(d) Penemuan Audit**

Susulan Audit yang dijalankan pada bulan Februari 2020 mendapati hampir kesemua isu yang telah dibangkitkan sebelum ini telah diperbaiki oleh pihak JPN. Bagaimanapun, beberapa kelemahan masih berulang dan perlu diambil tindakan penambahbaikan selanjutnya seperti berikut:

- i. 2 daripada 50 sampel komputer tiada auto lock;
- ii. Penyenggaraan Sistem Utama dan Sokongan kurang memuaskan;
- iii. Sebahagian SOP atau Arahan JPN bagi pengurusan kad tidak dipatuhi;
- iv. Sebahagian SOP atau Arahan JPN bagi pengurusan sijil pendaftaran tidak dipatuhi dan tidak lengkap; dan
- v. Kawalan keselamatan persekitaran kurang memuaskan.

#### **(e) Rumusan dan Syor Audit**

Secara keseluruhannya, prestasi pelaksanaan Pengurusan Sistem Dan Prosedur Pendaftaran Negara adalah **memuaskan**. Bagi memastikan segala kelemahan yang berbangkit diperbaiki dan dipertingkatkan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, Jabatan Pendaftaran Negara perlu segera mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Memastikan autolock sentiasa berfungsi dan pematuhan clear desk dan clear screen diwajibkan kepada setiap pegawai bagi mengelak insiden penyalahgunaan;
- ii. Membuat pemantauan yang lebih teliti terhadap prestasi pembekal/syarikat yang dilantik bagi memastikan syarat kontrak yang telah dipersetujui di dalam kontrak dipatuhi;
- iii. Mengambil tindakan segera pemetongan dan denda ke atas kontraktor yang tidak melaksanakan perkhidmatan dengan sempurna;
- iv. Memastikan pelupusan kad dibuat dengan teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan;

- v. Mengenalpasti dan menyelesaikan lot kad di bilik cetakan yang masih tergantung untuk close lot;
- vi. Memastikan arahan JPN bagi urusan pembatalan sijil pendaftaran di patuhi oleh setiap cawangan;
- vii. Menyediakan Standard Operating Procedures atau Arahan JPN yang baharu untuk memastikan urusan pembatalan dan pelupusan sijil adalah lengkap; dan
- viii. Memastikan kawalan keselamatan persekitaran adalah ditahap maksimum dengan melengkapkan premis dengan sistem CCTV dan sistem pengesanan dan pemadam kebakaran.

#### **7.4.2 Pengauditan Terhadap Perolehan Sajian Orang Kena Tuduh (OKT) Dan Orang Yang Disyaki (OYDS) Di Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor Dan Zon Maritim Kemaman, Kementerian Dalam Negeri**

##### **(a) Latar Belakang**

Jumlah tangkapan yang semakin meningkat dan tidak menentu menyebabkan perolehan sajian makanan bermasak OKT/OYDS bagi dua Pusat Tanggungjawab iaitu Maritim Negeri Selangor dan Zon Maritim Kemaman melebihi RM20,000 setahun. Pada 20 Disember 2019, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan pengecualian khas bagi perolehan sajian OKT/OYDS untuk perolehan melebihi RM20,000 setahun melalui kaedah pembelian terus. Kebenaran khas ini diberikan berdasarkan faktor unjuran kewangan bagi penyediaan sajian tidak dapat dianggarkan kerana bilangan tangkapan OKT/OYDS adalah tidak menentu.

##### **(b) Objektif**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada perolehan sajian makanan bermasak OKT/OYDS dilaksanakan secara teratur berdasarkan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan mematuhi syarat kelulusan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan iaitu memastikan kelulusan perolehan sajian OKT/OYDS dengan nilai perolehan melebihi RM20,000.00 setahun secara pembelian terus dilaksanakan secara teratur oleh PTJ di bawah APMM serta tidak berlaku sebarang ketirisan.

##### **(a) Skop dan metodologi Pengauditan**

Skop pengauditan meliputi semakan terhadap perolehan dan bayaran sajian makanan bermasak OKT/OYDS di Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor dan Zon Maritim Kemaman serta lain-lain rekod kewangan atau dokumen yang berkaitan bagi tempoh bulan Januari 2019 hingga Mei 2020.

#### (d) Penemuan Audit

Hasil pengauditan yang dijalankan terhadap Arahan Bayaran untuk perolehan sajian makan bermasak OKT/OYDS di Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor dan Zon Maritim Kemaman serta lain-lain rekod kewangan atau dokumen yang berkaitan mendapati perkara seperti berikut:

- i. Dua kaedah perolehan sajian makanan OKT/OYDS telah dilaksanakan di Maritim Negeri Selangor dan Zon Maritim Kemaman iaitu secara pembelian terus dan sebut harga pada tahun 2019 masing-masing berjumlah RM22,499.57 dan RM47,677.39.
- ii. Maritim Negeri Selangor telah membuat pelawaan secara sebut harga untuk perolehan sajian OKT/OYDS disebabkan perolehan secara pembelian terus telah melebihi had yang dibenarkan iaitu sebanyak RM642.53. Bagi Zon Maritim Kemaman pula perolehan secara sebut harga tahun 2019 dibuat lebih awal iaitu sebelum mencapai had perolehan sebut harga.
- iii. Pesanan Kerajaan elektronik dicipta selepas barang diterima berdasarkan Nota Penghantaran yang dikemukakan oleh pembekal iaitu di antara 23 hingga 27 hari melibatkan 2 arahan pembayaran di Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor.

#### (e) Rumusan dan Syor Audit

Pengurusan perolehan sajian makanan bermasak OKT/OYDS di Maritim negeri Selangor dan Zon Maritim Kemaman bagi tempoh 2019 hingga Jun 2020 adalah diuruskan dengan **baik** walaupun jumlah hari penahanan OKT/PYDS tidak dapat ditentukan. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu ditambahbaik dan dipastikan tidak berulang dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Membuat anggaran peruntukan bagi perolehan sajian makanan bermasak OKT/OYDS berdasarkan jumlah tangkapan dan perbelanjaan bagi tahun sebelum.
- ii. Menetapkan kaedah perolehan yang terbaik iaitu secara sebutharga bagi mendapatkan harga yang optimum dan memantau prestasi pembekal melalui klausa kontrak.
- iii. Menentukan bilangan dan pergerakan OKT/OYDS secara harian dengan cepat bagi memastikan pesanan tempatan dikeluarkan terlebih dahulu sebelum perkhidmatan diterima.
- iv. Membuat pemantauan terhadap perolehan sajian makanan OKT/OYDS di PTJ yang lain.

## 7.5 SIASATAN

Bahagian AD dari semasa ke semasa juga turut dilantik untuk menjalankan siasatan meliputi pelbagai kes termasuk kehilangan wang awam dan salah laku pegawai awam. Selain itu, pegawai di Bahagian AD turut dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Siasatan Dalaman di peringkat Kementerian bagi kes *improper payment* dan bayaran di bawah AP59. Pelantikan ahli Jawatankuasa Siasatan Dalaman dibuat oleh Pegawai Pengawal dan dipantau oleh Unit Integriti dan Bahagian Kewangan.

Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) siasatan telah dijalankan yang melibatkan pelantikan di kalangan pegawai Bahagian AD seperti berikut:

### SIASATAN YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2020

BIL.	TAJUK SIASATAN	AMAUN (RM)
1.	Siasatan dalaman terhadap pelaksanaan projek pembinaan Pusat Latihan Polis di Mukim Pelangai, Bentong Pahang (tambahan kos projek)	41,850,000.00
2.	Siasatan dalaman terhadap pembayaran pampasan di bawah penghakiman mahkamah: Mahkamah Majistret Sungai Jawi No. Guaman: PE-A71KJ-3/12/2017 bagi kes Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pualu Pinang	20,000.00
3.	Kehilangan Wang Awam Melibatkan Kutipan Hasil Jabatan Imigresen Johor	1,089,915.90
<b>JUMLAH</b>		<b>43,159,915.90</b>



## Bahagian 8

**LAPORAN MESYUARAT  
JAWATANKUASA AUDIT  
(JKA)**

## 8. Mesyuarat Jawatankuasa Audit Kementerian Dalam Negeri

Sebagai satu langkah untuk memantapkan dan mempertingkatkan tadbir urus khususnya dalam Pengurusan Kewangan, surat arahan daripada Perbendaharaan bertarikh 5 Mei 2009 mengenai Penubuhan Jawatankuasa Audit (JKA) Di Peringkat Kementerian Persekutuan Dan Peringkat Kerajaan Negeri telah menetapkan supaya JKA ditubuhkan di peringkat Kementerian. Jawatankuasa Audit (JKA) di peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah ditubuhkan pada 15 Mei 2009 dengan pelantikan enam (6) Setiausaha Bahagian (SUB) iaitu Khidmat Pengurusan, Kewangan, Perolehan, Pembangunan, Sumber Manusia dan Akaun. Selaras dengan hasrat Ketua Setiausaha KDN agar Mesyuarat JKA menjadi platform terbaik untuk mengambil *lesson learned* hasil pengauditan yang dijalankan, semua SUB yang belum dilantik dan Ketua Jabatan juga telah dilantik sebagai Ahli Tetap JKA pada 11 Januari 2021.

Objektif penubuhan JKA ialah membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Bahagian AD atau Jabatan Audit Negara serta memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

Mesyuarat JKA yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) manakala Ketua Audit Dalam bertindak sebagai Setiausaha JKA serta Bahagian AD sebagai urusetia. JKA perlu bermesyuarat empat kali dalam setahun. Sesalinan minit mesyuarat berkenaan perlu dikemukakan kepada Bahagian Strategik Korporat dan Komunikasi, Perbendaharaan Malaysia setiap suku tahun iaitu sebelum 15 April, 15 Julai, 15 Oktober dan 15 Januari seperti yang telah ditetapkan mengikut 1PP, PS 3.2/2013 Penubuhan JKA Di Peringkat Kementerian Persekutuan Dan Kerajaan Negeri.

KSU, KDN mengambil perhatian serius terhadap isu-isu yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara dan Bahagian AD, KDN. Semasa Mesyuarat JKA, kelemahan-kelemahan yang ditemui oleh pihak Audit telah dibincangkan agar tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan tadbir urus Kementerian dan agensi-agensi dibawah KDN.

Mesyuarat JKA Bil. 1 dan 2 telah diberi kelonggaran untuk diadakan bersekali kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19 dalam tempoh suku pertama tahun 2020. Tarikh Mesyuarat JKA adalah seperti jadual berikut:

**MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
BAGI TAHUN 2020**

BIL.	MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT	TARIKH MESYUARAT
1.	Bilangan 1 Tahun 2020	15 Julai 2020
2.	Bilangan 2 Tahun 2020	15 Julai 2020
3.	Bilangan 3 Tahun 2020	8 Oktober 2020
4.	Bilangan 4 Tahun 2020	15 Januari 2021

Setiap isu yang dibentangkan telah diminitkan dan dipantau sehingga selesai. Status isu-isu yang dilaporkan adalah mengikut tajuk pengauditan yang dibincangkan dalam Mesyuarat JKA seperti di jadual berikut:

**STATUS ISU-ISU YANG DIBENTANGKAN DALAM  
MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2020**

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)		
			TIADA TINDAKAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI
<b>Dibentangkan dalam Mesyuarat JKA Bil. 4 Tahun 2019 dan sebelumnya</b>					
Mesyuarat JKA Bil. 2 Tahun 2019 pada 9 Julai 2019					
1.	Pengurusan Pembaharuan Permit PL(KS) Oleh MyEG, Jabatan Imigresen Malaysia	19	0	0	19
Mesyuarat JKA Bil. 4 Tahun 2019 pada 9 Januari 2020					
2.	Pengurusan Penyelenggaraan Sistem MyIMMS Di Jabatan Imigresen Malaysia	8	0	0	8



**STATUS ISU-ISU YANG DIBENTANGKAN DALAM  
MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2020 (Samb..)**

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)		
			TIADA TINDAKAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI
<b>Dibentangkan dalam Mesyuarat JKA Bil. 1 &amp; 2 Tahun 2020 pada 15 Julai 2020</b>					
1.	Status Terkini Tindakan Terhadap Laporan Ketua Audit Negara (AG's Dashboard – Isu Kuning)	22	0	5	17
2.	Pengurusan Bangunan Dan Fasiliti Bagi Kuarters Dan Pos Kawalan Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia	5	0	0	5
<b>Dibentangkan dalam Mesyuarat JKA Bil. 3 Tahun 2020 pada 8 Oktober 2020</b>					
1.	Status Pengauditan Pengurusan Kewangan Dan Program Anak Angkat Sehingga 30 September 2020	1	0	0	1
2.	Pengurusan Orang Di Parol, Jabatan Penjara Malaysia	6	0	0	6
3.	Pengurusan Penyenggaraan Aset Maritim Untuk Pengawasan Zon Maritim Malaysia di bawah APMM dan ESSCOM	19	0	2	17
<b>Dibentangkan dalam Mesyuarat JKA Bil. 4 Tahun 2020 pada 15 Januari 2021</b>					
1.	Prestasi Pengauditan Pengurusan Kewangan PTJ Bagi Tahun 2020	1	0	1	0
2.	Rancangan Audit Tahun 2021	1	0	0	1
3.	Pengurusan Penyenggaraan Aset Maritim Pasukan Polis Marin, PDRM	16	0	9	7

# Bahagian 9

**SUMBANGAN  
BAHAGIAN AUDIT DALAM**



## **9. LAPORAN SUMBANGAN BAHAGIAN AUDIT DALAM**

### **9.1 Penyelarasan Status Terkini Tindakan Terhadap Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Melalui AG's Dashboard**

Pada awal tahun 2020, sebanyak enam (6) daripada 11 isu audit dalam *AG's Dashboard* yang masih berstatus kuning (Dalam Tindakan) melibatkan LKAN 2018 Siri 1 iaitu Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing dan LKAN 2018 Siri 2 iaitu Pengurusan Program Promosi Bagi Meningkatkan Ketibaan Pelancong Antarabangsa. Pada 14 Julai 2020, terdapat dua (2) tajuk LKAN 2018 Siri 3 yang dibentangkan melibatkan KDN iaitu Aktiviti Kawalan Keselamatan Dan Penguatkuasaan Sempadan Darat serta Zon Maritim Malaysia dengan penambahan sebanyak 13 isu audit dalam *AG's Dashboard* yang mana 12 daripadanya berstatus kuning (Dalam Tindakan). Jumlah keseluruhan isu audit berstatus kuning yang belum selesai adalah sebanyak 18 isu (75%) berbanding jumlah keseluruhan 24 isu.


Bahagian Bahagian Audit Dalam (AD) bertanggungjawab membantu urusetia iaitu Bahagian Kewangan, KDN bagi memantau isu audit dalam *AG's Dashboard*. Namun, Mesyuarat Penyelarasan Penyusunan Semula Fungsi dan Peranan Bahagian-bahagian di Bawah Sektor Pengurusan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertarikh 27 Oktober 2020 telah bersetuju supaya fungsi penyelarasan pengurusan pengauditan berkaitan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) termasuk pengemaskinian *AG's Dashboard* dipindahkan daripada Bahagian Kewangan kepada Bahagian AD.

Beberapa sesi penyelarasan dan perbincangan telah dijalankan oleh Bahagian AD sepanjang tahun 2020 bersama dengan semua Bahagian dan Agensi yang terlibat bagi memastikan isu audit ini dapat diselesaikan dengan segera supaya tidak menjejaskan prestasi pencapaian *Key Performance Indicator (KPI)* Ketua Setiausaha KDN. Hasil kerjasama dan tindakan yang diambil oleh semua auditi yang terlibat, isu berstatus kuning dapat dikurangkan kepada hanya lima (5) isu (20.8%) yang masih dalam tindakan setakat bulan Januari 2021 manakala baki 19 isu telah hijau (Selesai). Bahagian AD telah berjaya membantu Kementerian/auditi menyelesaikan 72.2% isu kuning dalam *AG's Dashboard* seperti butiran di carta-carta berikut:

**STATUS TERKINI TINDAKAN TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
(AG'S DASHBOARD) JABATAN AUDIT NEGARA  
SETAKAT BULAN JANUARI 2021**



**PENYELESAIAN ISU LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (AG'S DASHBOARD)**



# Bahagian 10

## PERKARA-PERKARA AM

1. Tindakan Pengurusan Ke Atas Laporan AD
2. Masalah Yang Dihadapi
3. Latihan/Kursus Yang Dihadiri Oleh Pegawai AD
4. Aktiviti Bahagian Sepanjang Tahun 2020



## **10. PERKARA-PERKARA AM**

### **10.1 Tindakan Pengurusan Ke Atas Laporan AD**

Pemerhatian/Laporan AD yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) membolehkan penemuan Audit diberi perhatian yang sewajarnya supaya kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Ahli mesyuarat JKA sentiasa memberi perhatian serius terhadap penemuan Audit yang dilaporkan dan memastikan tindakan berkesan diambil terhadap kelemahan yang dikenal pasti dalam usaha meningkatkan prestasi pengurusan kewangan di Kementerian dan Jabatan.

Pada pendapat Audit, pencapaian pengurusan kewangan boleh dipertingkatkan lagi dengan komitmen dan penyeliaan berterusan daripada pegawai atasan, penyediaan senarai semak dan panduan kerja yang jelas serta melaksanakan latihan/kursus secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai pengurusan kewangan. Kementerian/Jabatan juga perlu mengambil tindakan tegas terhadap pegawai/kakitangan yang terbukti melakukan ketidakpatuhan dalam pengurusan kewangan sehingga boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kementerian.

Ketua Jabatan/Bahagian/PTJ yang diaudit perlu memberi maklum balas terhadap pemerhatian/laporan Audit yang dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 30 hari dari tarikh surat pemerhatian dikeluarkan bagi Pengauditan Prestasi/Perolehan/ICT. Manakala bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Pemeriksaan Mengejut, Susulan Audit, Program Anak Angkat dan lain-lain pengauditan, tempoh yang ditetapkan adalah 14 hari.

## 10.2 Masalah Yang Dihadapi

Bahagian AD, KDN sentiasa berusaha melaksanakan pengauditan mengikut perancangan yang ditetapkan setiap tahun. Bagaimanapun, terdapat masalah yang dihadapi sepanjang tempoh pelaksanaan seperti berikut:

### MASALAH YANG DIHADAPI

BIL.	MASALAH	CATATAN
1.	Kekurangan aset seperti <i>projector</i> dan kamera.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pancaran daripada <i>projector</i> yang dimiliki oleh Bahagian AD kurang jelas dan kabur menyukarkan sesi perbincangan/mesyuarat yang diadakan.</li><li>• Bahagian AD tidak mempunyai kamera berspesifikasi tinggi untuk digunakan semasa menjalankan pengauditan. Kebiasaanya gambar akan diambil menggunakan telefon bimbit pegawai yang mana kualiti gambar adalah rendah.</li></ul>
2.	Jawatan tidak diisi dalam tempoh yang lama.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jawatan Penolong Juruaudit Gred W36 di Cawangan Audit Dalam Sabah telah lama tidak diisi. Pengauditan hanya dijalankan oleh dua (2) orang pegawai sahaja.</li><li>• Selain itu, terdapat tiga (3) kekosongan jawatan Penolong Juruaudit Gred W29 serta satu (1) Juruaudit W41 di Ibu Pejabat AD yang masih belum diisi.</li></ul>

### 10.3 Latihan/Kursus Yang Dihadiri Oleh Pegawai AD

Walaupun negara berdepan dengan pandemik Covid-19 yang mana menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan dengan arahan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ketat bagi penganjuran majlis/kursus, pegawai Bahagian AD masih berjaya menghadiri Bengkel/Latihan/Mesyuarat dalam tahun 2020 seperti berikut:

#### SENARAI BENGKEL/MESYUARAT BAHAGIAN AUDIT DALAM BAGI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2020

BIL.	NAMA KURSUS / BENGKEL	TEMPOH	TEMPAT KURSUS	BILANGAN PESERTA DARI BAHAGIAN AD
1.	Bengkel <i>Matters of Potential Significance</i> (MOPS)	3 hari	Bilik Latihan Sumber Manusia Aras 1, Blok D9, Putrajaya	40 orang
2.	Kursus Pengauditan <i>Fraud</i> Dalam Sektor Awam	3 hari	Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan	2 orang
3.	Bengkel Penyediaan Bajet Tahun 2021 Ibu Pejabat KDN	3 hari	Hotel Grand Lexis Port Dickson, Negri Sembilan	2 orang
4.	Kursus Teknik Persampelan	3 hari	Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan	3 orang
5.	Bengkel & Mesyuarat Kajian Semula Sasaran Kerja Tahunan Bahagian Audit Dalam, KDN.	2 hari	Bilik Latihan Sumber Manusia Aras 1, Blok D9, Putrajaya	40 orang
6.	Kursus <i>COSO Internal Control For Internal Auditors</i>	2 hari	Secara maya oleh Kementerian Kewangan (MOF)	5 orang
7.	<i>Session On The International Professional Practices Framework (IPPF)</i>	1 hari	Secara maya oleh MOF	4 orang
8.	Sesi Perbincangan Rancangan Audit Tahun 2021 Bahagian Audit Dalam	4 hari	Bilik Mesyuarat Bahagian AD, Aras 4, Blok D9, Putrajaya	45 orang



BIL.	NAMA KURSUS / BENGKEL	TEMPOH	TEMPAT KURSUS	BILANGAN PESERTA DARI BAHAGIAN AD
9.	Kursus Pengauditan IT	3 hari	Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan	2 orang
10.	Kursus Pengauditan Pengurusan Kontrak Kerja	3 hari	Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan	2 orang
11.	Kursus Sistem Perolehan Kerajaan ePEROLEHAN dan MyGPIS	1 hari	Secara maya oleh MOF	2 orang
12.	Kursus Aset Tak Ketara, Aset Pertanian dan Hartanah Pelaburan	1 hari	Secara maya oleh MOF	2 orang
13.	Mesyuarat Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri (2021-2025) Siri 2	3 hari	Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA	1 orang
14.	Bengkel Penilaian Risiko Pra Projek Sistem Imigresen Bersepadu Jabatan Imigresen Malaysia	3 hari	Hotel Imperial Heritage Melaka	2 orang
15.	Kursus Teknik Analisis Data (MS Excel Lanjutan)	2 hari	Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan	2 orang
16.	Bengkel Pemantapan Khidmat Pengurusan JIM KLIA	2 hari	Pusat Latihan Risdar (RISTEC), Port Dickson, Negeri Sembilan	3 orang
17.	Bengkel Pemurnian Proses Kerja Jawatankuasa Pemantauan Aktiviti Antarabangsa Kementerian Dalam Negeri (JK-i)	3 hari	Hatten Hotel Melaka	1 orang
18.	Kursus Pengendalian Dan Pendaftaran Buku Rahsia Rasmi Kerajaan (Buku Am 492, Am 492 A Dan Am 492 B) - <i>Refresher Course</i>	1 hari	Dewan Gemilang, Blok D1, Putrajaya	2 orang

BIL.	NAMA KURSUS / BENGKEL	TEMPOH	TEMPAT KURSUS	BILANGAN PESERTA DARI BAHAGIAN AD
9.	Kursus Asas Pengurusan Rekod Bagi Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) KDN	2 hari	Auditorium Blok D8 Kompleks D, Putrajaya	1 orang
10.	Kursus <i>Smartphone Photography</i> SIRI 2	2 hari	Bilik Latihan ICT Aras 5, Blok D2	1 orang
11.	Kursus Profesionalisme Diri Unggul Bil. 2/2020	3 hari	INTAN Kampus Putrajaya	2 orang
12.	Kursus Pra Akrab Tahap 1 Tahun 2020	3 hari	Port Dickson, Negeri Sembilan	1 orang
13.	Kursus Etiket, Protokol Dan Komunikasi	3 hari	Hotel The Grand Beach Resort, Negeri Sembilan	1 orang
14.	Kursus Pengurusan Emosi	3 hari	Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan	2 orang

#### 10.4 Aktiviti Bahagian

Pada tahun 2020, warga Bahagian AD turut terlibat secara langsung dalam pelbagai majlis, kursus, aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Kementerian. Berikut adalah program dan aktiviti yang telah dijalankan dan dihadiri oleh warga Bahagian AD sepanjang tahun 2020:

#### AKTIVITI KEMENTERIAN YANG DIHADIRI DALAM TAHUN 2020

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Majlis Perjumpaan KSU KDN Bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah KDN Tahun 2020	29.01.2020
2.	Program Wacana Ilmu Bil.1/2020 "Pengurusan Kewangan: Bijak Merancang, Keluarga Tenang"	24.02.2020
3.	Program Wacana Ilmu Bil. 8/2020 Malaysia Prihatin	29.09.2020
4.	Kursus Lego Serious Play Siri 1, KDN	27.07.2020
5.	Program Pembangunan Karakter : "Psikologi Rasulullah"	01.10.2020

Berikut merupakan sebahagian aktiviti pengauditan, latihan, mesyuarat dan lawatan sepanjang tahun 2020:

**GAMBAR 44**



**Lawatan Fasa 1 Program Anak Angkat Oleh Unit Audit Dalam KDN  
Cawangan Sabah  
Batalion 20 Pasukan Gerakan AM (PGA) Beluran, Sabah  
(18.02.2020)**

**GAMBAR 45**



**Pengauditan Pengurusan Kewangan Oleh Unit Audit Dalam KDN  
Cawangan Sarawak  
Ibu Pejabat Polis Daerah Betong, Sarawak  
(28.02.2020)**

**GAMBAR 46**



**Pemeriksaan Mengejut Oleh Unit Audit Dalam KDN Cawangan Sarawak  
Pejabat Imigresen Bahagian Miri, Sarawak  
(06.11.2020)**

**GAMBAR 47**



**Lawatan Ketua Audit Dalam Bagi Pengauditan Terhadap Pengurusan Senjata Api  
Pusat Latihan RELA Timur, Hulu Terengganu, Terengganu  
(04.12.2020)**

**GAMBAR 48**



**Lawatan Ketua Audit Dalam dan Pasukan Audit Terhadap  
Pembinaan *Offshore Patrol Vessel (OPV) APMM*  
Pulau Indah *Industrial Park, Selangor*  
(10.12.2020)**

**GAMBAR 49**



**Lawatan Ketua Audit Dalam dan Pasukan Audit Terhadap  
Pembinaan *Offshore Patrol Vessel (OPV) APMM*  
Pulau Indah *Industrial Park, Selangor*  
(10.12.2020)**

**GAMBAR 50**




**Lawatan Kerja Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
YBhg. Dato' Ramlam Bin Harun Ke Bahagian Audit Dalam  
(14.10.2020)**

**GAMBAR 51**



**Lawatan Kerja Pegawai Unit Audit Dalam,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Ke Bahagian Audit Dalam  
(30.09.2020)**

**GAMBAR 52**



**Mesyuarat Pengurusan Bahagian Audit Dalam Melalui Video Conference  
Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan  
(11.11.2020)**

**GAMBAR 53**



**Majlis Perpisahan Bersama  
Mantan Ketua Audit Dalam, Puan  
Kartina binti Zamhari  
(10.07.2020)**

**GAMBAR 54**



**Majlis Perpisahan Bersama  
Mantan Timbalan  
Ketua Audit Dalam I,  
Puan Noraziah binti Morad  
(07.10.2020)**

**Bahagian Audit Dalam  
Kementerian Dalam Negeri  
Tel: 03-8885 2855  
Faks: 03-8881 0407**

**Aras 4, Blok D9, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan  
62546 Putrajaya**

